

Bilangan

Majalah Bulanan Agama Yang Terkenal

226

QALAM

Harga 60 sen

- Ogos 1969

- Jamādi al-Awwal 1389

KDN 4244



Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

Al-Qur'ān

Janganlah kamu berkata menurut yang diucapkan oleh lidah-lidah kamu yang dusta, ini halal dan ini haram (kerana dengan itu) kamu berdusta atas nama Allah.

(Al-Naḥl: 116)

* * *

Katakanlah (wahai Muhammad): Jika kamu kasih kepada Allah maka hendaklah kamu turut aku (ajaran-ajaranku) nescaya Allah akan sayang kepada kamu.

(Āli-'Imrān: 31)

* * *

Apa-apa yang dibawa oleh Rasul itu hendaklah kamu ambil, dan apa-apa yang ia larang kamu daripadanya hendaklah kamu jauhi.

(Al-Ḥashr: 7)

* * *

Sesungguhnya adalah bagi kamu pada Rasulullah itu suatu contoh ikutan yang baik.

(Al-Aḥzāb: 21)

* * *

Apabila Allah dan Rasul-Nya telah memutuskan tentang sesuatu hukum, maka tidak boleh lagi orang-orang mukmin (lelaki) dan orang-orang mukminah (perempuan) untuk memilih (hukum-hukum yang lain) menurut kemahuan mereka. Barang siapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya sesatlah ia dengan kesesatan yang nyata.

(Al-Aḥzāb: 36)

* * *

Al-Hadīth

Aku tinggalkan untuk kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepadanya, iaitu kitab Allah (Al-Qur'ān) dan sunnah Rasul-Nya (al-Hadīth).

(Mālik).

* * *

Tiap-tiap seorang Muslim atas seorang Muslim yang lain, haram darahnya, kehormatannya dan hartanya.

(Muslim dan al-Tirmidhī).

* * *

Telah datang seorang lelaki lalu ia bertanya: "Ya Rasulullah! Adakah apa kebaikan yang boleh saya kerjakan untuk ibu bapa saya sesudah mereka berdua meninggal dunia?" Sabdanya: "Ada! Iaitu sembahyangkan jenazah keduanya, mintakan keampunan (daripada Allah) bagi keduanya, sempurnakan perjanjian keduanya, muliakan sahabat keduanya dan tolonglah keluarga yang tidak akan dapat pertolongan melainkan daripada keduanya".

(Abū Dāwud)

* * *

Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepadaku, bahawa hendaklah kamu tawaduk supaya seorang tidak menyombong atas seorang yang lain dan supaya seorang tidak menghina atas seorang yang lain.

(Muslim dan Abū Dāwud)

Hukama

Ahli fikir (mengadakan sesuatu hukum menurut fikirannya sendiri) adalah musuh bagi sunnah-sunnah (hadith-hadith) mereka tak dapat menggunakan hadith-hadith dan luput dari mereka riwayat-riwayatnya, lalu mereka berkata di dalam urusan agama dengan fikiran mereka.

(Umar ibn al-Khaṭṭab)

* * *

Peliharalah diri kamu daripada kekeliruan seorang alim. Maka Umar bertanya: "Apa dia kekeliruan orang alim itu?". Ia menjawab: "Ia keliru (dalam memberi fatwa kepada orang ramai) lalu dicatit (akan kekeliruannya itu) kemudian boleh jadi orang alim itu bertaubat. Tetapi orang ramai (yang menerima fatwanya itu) tetap berpegang dengan perkataannya (fatwanya) itu".

(Tamīm al-Dāri).

* * *

Aku pernah mendengar Ahmad ibn Hanbal berkata: "Itbā' (pengikut) itu ialah seseorang menurut apa yang datang daripada Nabi dan sahabat-sahabatnya.

(Abū Dāwud)

* * *

Imam-imam yang empat semua berkata: "Kalau sah hadith, maka itulah mazhab kami".

(fī al-Mizān).

Qalam

KDN 4244

Jamādi al-Awwal 1389

Ogos 1969

Bilangan 226

Senaskah 60 sen.

Ilmu Ghaib

Apabila berlakunya keadaan darurat di Malaysia Barat baru-baru ini, maka dengan sendirinya timbullah suatu perasaan di kalangan pemuda-pemuda kita bahawa diri mereka sedang menghadapi ancaman-ancaman bahaya di setiap saat dalam kehidupan mereka. Dalam masa menghadapi suasana yang begini genting, semangat kesedaran mereka terhadap ajaran-ajaran agama Islam yang mereka anuti – yang mana selama ini mereka lupa dan cuai daripada mempelajari dan beramal dengannya – tiba-tiba kembali memuncak memenuhi segenap jiwa mereka. Mereka mulai insaf bagaimana perlunya di saat yang begini genting mendapat pertolongan-pertolongan ghaib daripada Tuhan Yang Maha berkuasa. Oleh itu kita dapat menyaksikan dalam masa kekacauan berlaku di sana sini pemuda-pemuda kita pergi menemui guru-guru agama untuk belajar mendirikan sembahyang sambil meminta fatwa-fatwa untuk memperlindungan diri daripada mara bahaya melalui ayat-ayat suci al-Qur’ān atau pun doa-doa yang munasabah dengannya.

Permintaan-permintaan yang dikemukakan oleh pemuda-pemuda ini terpaksa dilayani oleh guru-guru agama dengan memilih daripada al-Qur’ān beberapa ayat yang mengandungi doa pelindung

diri yang difikirkan munasabah dan baik dihafalkan

di sepanjang masa kecemasan dengan disyaratkan pula kepada mereka-mereka yang mengamalkan ayat-ayat dan doa-doa tersebut mestilah menjunjung segala perintah-perintah Tuhan terutama sembahyang fardu yang lima waktu mestilah dikerjakan di sepanjang itu pula segala perbuatan-perbuatan yang dilarang dan ditegah oleh agama Islam hendaklah dijauhi.

Dengan itu kita dapat saksikan sebilangan besar daripada pemuda-pemuda angkatan baru yang dahulunya liar daripada agama, sekarang telah mulai mendirikan sembahyang lima waktu selepas itu mereka duduk beberapa waktu di tikar sembahyang untuk membaca zikir-zikir, ayat suci dan doa-doa yang telah mereka hafalkan itu dengan mengikuti syarat-syarat yang telah diberikan oleh guru-guru agama tempat mereka menuntut itu.

Langkah yang seumpama ini memang baik dan meninggalkan kesan-kesan yang mendalam kepada pemuda-pemuda kita yang telah mulai sedar dan insaf betapa perlunya mereka mendapat pertolongan-pertolongan ghaib daripada Tuhan yang mereka sembah, dalam masa mereka menghadapi zaman yang bergelora akibat dari pergaduhan kaum yang sentiasa mengancam keselamatan jiwa mereka. Dengan cara ini juga kita mengharapkan semoga semangat kesedaran dan jiwa keinsafan yang mulai menjalar ke segenap urat saraf pemuda-pemuda kita terhadap kewajipan mereka kepada Tuhan itu, akan terus berkekalan pada setiap masa dan waktu, bukan hanya kesedaran itu timbul di waktu-waktu mereka diancam oleh suatu malapetaka sahaja, tetapi biarlah semangat kesedaran itu tertanam di dalam jiwa masing-masing pada bila-bila masa sahaja, sama ada dalam waktu kecemasan mahu pun dalam masa keamanan.

Rencana Pengarang

Kerana kewajipan-kewajipan kita sebagai umat Islam terhadap Tuhan itu tidak ada mempunyai batasan-batasan tertentu selagi hayat di kandung badan.

Tuhan telah menjamin di dalam suatu firman-Nya di dalam kitab suci al-Qur’ān yang maksudnya: “Kalau kamu menolong Allah – dengan mematuhi perintah dan menjauhi larangan – nescaya Allah akan menolong kamu dan ditetapkannya pendirian kamu”. Orang-orang Islam yang benar-benar mentaati perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya itu dengan hati yang jujur ikhlas, tak usah merasa gentar dan takut menghadapi sesuatu ancaman dan marabahaya.

Kerana setiap marabahaya dan malapetaka itu ialah Tuhan yang menurunkannya sebagai suatu percubaan untuk menguji setakat mana kesabaran hamba-hamba-Nya menghadapi ujian-ujian tersebut. Dan Allah jualah yang berkuasa untuk menghindarkan malapetaka itu daripada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. Siapakah hamba-hamba yang dikasihinya itu?

Jawabnya: Tidak lain daripada orang-orang Islam yang benar-benar taat setia menunaikan segala kewajipan yang telah dipertanggungjawabkan di atas pundak masing-masing. Tegasnya kalau kita benar-benar mahukan perlindungan daripada Tuhan, maka senjata perisainya sudah ada di tangan kita masing-masing kita hanya diminta mengasah senjata dan perisai yang telah dianugerahkan Tuhan kepada kita itu sehingga tajam dan boleh dipergunakan pada bila-bila masa sahaja.

Berhubung dengan soal ini Allah ada berfirman di dalam Sūrah al-Baqarah dari ayat: 155-157 yang maksudnya:

“Dan sesungguhnya kami akan beri kamu percubaan dengan sebahagian daripada ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan, dan berilah khabar yang menyenangkan kepada mereka-mereka yang sabar, yang mana apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan mereka berkata: “Sesungguhnya kami ini (milik) bagi Allah dan sesungguhnya kepadanya kami akan kembali. Kepada mereka itu akan diturunkan kurniaan-kurniaan dari Tuhan mereka dan rahmat-Nya dan mereka itulah dari golongan orang-orang yang mendapat pertunjuk.”

Kebenaran ayat di atas dapat kita saksikan kalau kita membaca sejarah perjuangan umat Islam di zaman Rasulullah, di mana di dalam peperangan “Badar” tentera-tentera Islam yang bilangannya hanya seratus orang dapat mengalahkan tentera-tentera musuh yang sepuluh kali ganda banyaknya. Kekuatan tentera-tentera Islam yang mengagumkan pihak musuh ini, kalau tidak ada pertolongan ghaib daripada Tuhan sudah tentu kemenangan itu tidak akan dapat mereka capai, pertolongan Tuhan secara ghaib ini terhadap tentera-tentera Muslimin di medan peperangan “Badar” dengan terang Allah menyatakannya di lembaran al-Qur’ān di dalam Sūrah al-Anfāl ayat: 124-125 yang maksudnya:

“(Ingatlah) ketika engkau berkata kepada orang-orang mukmin: “Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Tuhan kamu akan membantu kamu dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan? Bahkan! Jika kamu sabar dan taat walaupun mereka itu (musuh-musuh) itu datang kepada kamu dengan segera, sekarang ini juga Tuhan kamu akan membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang menyerbu”.

Dengan kedua-dua ayat di atas jelaslah kepada kita bahawa Allah akan memberikan pertolongan-pertolongan ghaib kepada orang-orang

Rencana Pengarang

muslimin dalam masa mereka menghadapi zaman kecemasan dengan hanya dua syarat yang mesti dipegang teguh oleh mereka. Pertama bersifat sabar dan kedua mestilah taat menjunjung perintah-perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya.

Di samping itu, di sini kita suka memberikan sedikit perhatian kepada pemuda-pemuda kita yang mengamalkan sesuatu amalan yang dikatakan “ilmu ghaib” itu, supaya mereka berhati-hati memilih ayat-ayat atau pun doa-doa yang diamalkan itu, agar jangan sampai menyeleweng daripada dasar-dasar Tauhid yang akan melibatkan rosaknya kepercayaan “akidah Islamiyah” terhadap kekuasaan-kekuasaan Allah Yang Maha Esa. Sepanjang yang kita ketahui ada setengah-setengah daripada ayat-ayat, zikir-zikir dan doa-doa yang dihafal dan diamalkan oleh mereka itu sumber punca ambilannya adalah terkeluar daripada asas ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Kerana setiap amalan yang puncanya bukan berasal daripada ayat-ayat suci al-Qur’ān, bukan daripada zikir-zikir yang biasa diamalkan oleh para anbiya dan bukan pula daripada doa para *awliyā’* yang *ma’thūr* (terpilih), maka amalan-amalan itu akan ditolak dan tidak akan mendatangkan apa-apa kesan selain daripada merosakkan iktikad seseorang Muslim terhadap Tuhan yang mereka sembah itu. Hal ini Rasulullah (S.A.W) ada menegaskan di dalam suatu hadithnya yang bermaksud: “Barang siapa yang mengerjakan sesuatu amalan yang bukan daripada perintah kami, maka amalan itu ditolak”.

Lagi satu perkara yang patut kita ingatkan: Bahawa tiap amalan yang dilakukan itu hendaklah semata-mata kerana Allah, setiap doa yang dibaca tujukanlah terus

kepada Allah kerana Allah yang kita sembah dan Allah jugalah tempat kita meminta sesuatu.

Oleh itu wahai Ikhwan al-Muslimin! Di sini kita suka berseru kepada saudara-saudara sekalian. Kalau saudara-saudara benar-benar mahukan pertolongan daripada Allah, maka dari sekarang – masanya belum terlewat - kembalilah saudara-saudara sekalian kepada jalan Allah. Berpegang teguhlah kepada ajaran-ajaran agama suci yang tercatat di dalam al-Qur’ān dan al-Hadīth. Ingatlah! Selagi saudara-saudara menjauhkan diri dari ajaran-ajaran Allah, maka selama itulah saudara-saudara tidak akan menerima sebarang bantuan dan pertolongan-pertolongan ghaib daripada Allah yang sentiasa saudara-saudara harap-harapkan itu.

Kita akhiri seruan ini dengan firman Allah di dalam *Sūrah Quraysh*: Ayat 3-4 yang maksudnya:

“Maka mereka hendaklah menyembah Allah Tuhan bagi rumah ini, (Kaabah di Makkah) yang mengenyangkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada ketakutan”.

In tanṣurū Allāha yanṣurkum wa yuthabbit aqdāmakum.

Harga Langganan Majalah Qalam

\$3.60	6 bulan
\$7.20	1 tahun
\$0.60	Senaskah

Termasuk belanja *post*.

Pesanlah kepada:

Penerbitan Qalam

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

Pandangan Islam dan Kristian

Terhadap Kelahiran 'Isā Al-Masīh 'alayhi al-Salām

(1)

Buah pena: Al-Ustadh Ṭāhir al-Ṭanāhī

Saudara Ibrahim Fahmi adalah seorang penulis muda Islam yang pernah menyumbangkan buah fikirannya di dalam majalah Qalam pada beberapa masa yang lalu, kini beliau kembali menggariskan penanya untuk mempersembahkan kajian-kajiannya yang bernilai di bidang pemikiran Islam di ruangan majalah Qalam yang diminatinya dari sejak beberapa lama dahulu.

Di dalam makalah terjemahannya di bawah ini beliau mengemukakan satu kajian ilmiah yang memperbezakan dua pendapat antara agama Islam dan agama Kristian di sekitar kelahiran Nabi Isa Al-Masīh 'alayhi al-Salām dengan membawa beberapa alasan yang logik dipetik daripada kitab suci Islam (al-Qur'an al-Karim) dan kitab-kitab agama Kristian (seperti Injil Matius, Lukas dan Injil Yahya). Ikutilah kajian yang bermutu ini dengan penuh minat – pengarang).

(Alih Bahasa oleh: Ibrahim Fahmi)

Mukjizat yang Menggemparkan

Alam Kristian:

Di zaman moden ini telah timbul di Eropah suatu golongan orang-orang yang sama sekali tidak mahu terikat dengan sebarang agama; malahan mereka mengingkari apa saja syariat-syariat yang datang dari langit; mereka mengemukakan undang-undang alam sebagai suatu wasilah buat menyangkal tanda-tanda ketuhanan dan mukjizat-mukjizat yang luar biasa yang tertera di dalam kitab-kitab suci yang pernah diturunkan Tuhan ke dunia ini.

Antara tanda-tanda kekuasaan Tuhan dan mukjizat-mukjizat yang luar biasa itu ialah perkara kelahiran al-Masīh Isa dari seorang gadis perawan Maryam. Mereka berkeyakinan bahawa menurut undang-undang alam sama sekali tak mungkin berlaku Isa itu dilahirkan tanpa ayah.

Dia dilahirkan menurut peraturan tabii; malahan akal menolak sama sekali kemungkinan seorang manusia itu dilahirkan tanpa ayah!

Pendapat-pendapat yang diutarakan oleh mereka itu telah menggemparkan kalangan orang-orang Kristian yang masih teguh berpegang dengan agama mereka. Pihak gereja Inggeris terpaksa diam sahaja tanpa berani mengemukakan siapakah ayah Isa? Tetapi setengah-setengah gereja Kristian lainnya sejak abad 19 lagi telah dengan beraninya memastikan akan adanya ayah kepada Isa al-Masīh. Malahan setengah-setengah pelukis Barat telah pun ada yang berani melukiskan “keluarga suci” di dalamnya terlukis gambar Yūsuf al-Najjār, menurut sebagaimana yang diterangkan dalam Injil Matius. (?)

Al-Qur'an Mempertahankan

Kesucian Maryam:

Di dalam soal kelahiran Isa ini al-Qur'an al-Karim dengan tegas mempertahankan kesucian gadis perawan Maryam dan kisah kelahiran al-Masīh, suatu pembelaan yang sepatutnya sama-sama membanggakan kaum Muslim dan Kristian! Tidak ada sebuah kitab suci pun yang begitu menitikberatkan tentang kelahiran Isa dan membela kesucian kelahirannya sama seperti yang dilakukan oleh al-Qur'an menerusi aliran dan gaya bahasa sastera yang cukup indah lagi menarik.

Kisah-kisah kelahiran Isa dan mukjizat-mukjizatnya yang luar biasa itu tersunting di dalam beberapa surat dengan sangat nyata dan jelas; di samping pembersihan dan pembelaan terhadap Maryam dari sebarang tohmah kotor yang tidak berasal dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Di samping tertera di dalam beberapa surah lain; kisah itu mendapat keistimewaan dibentangkan Tuhan di dalam dua surah yang panjang. Pertama di dalam Sūrah "Āli-'Imrān", surah kedua al-Qur'an. 'Imrān ialah ayah kepada Maryam. Kedua di dalam Sūrah "Maryam". Kalau kita membuka lembaran al-Qur'an kita tidak akan tersua dengan satu surah pun yang dinamakan dengan seorang wanita selain Sūrah Maryam ini. Ini ialah lantaran Tuhan telah memilih Maryam dan keluarga 'Imrān di alam ini, bagi menimbulkan suatu peristiwa yang maha besar dan aneh itu.

Nazar ibu Maryam:

Al-Masīh dilahirkan di Nāṣirah (al-Nāṣarah) di daerah Jalil (al-Jalīl). Daerah kelahiran beliau itu dulunya

dipanggil (Jalil Uluman) yang pada zaman dulu bermakna "daerah antara bangsa" kerana daerah tersebut terbuka bebas bagi semua bangsa yang datang dari Timur mahu pun dari Barat. Daerah ini telah didiami oleh orang-orang Arab sejak zaman silam lagi.

Sejak dahulu lagi daerah ini menjadi kebencian orang-orang Yahudi. Di dalam peribahasa mereka terdapat kata-kata "*Lā khayra ya 'ī mina al-Jalīl!*") (Tidak ada kebaikan yang datang dari *al-Jalīl!*) Salah seorang dari paderi mereka tatkala mengetahui; lantas ia menolak sambil berkata: "*Amin al-Jalīl yujī'u shay'an ṣālīh?!*" "Apakah sesuatu yang baik itu patut datangnya dari *al-Jalīl?!*"

Walau apa pun penentangan dan keingkaraan yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi terhadap Isa dan ibunya yang ditohmah dengan tuduhan-tuduhan yang ia sendiri tidak terlibat dengannya, Isa al-Masīh tetap juga timbul di bumi yang bertuah ini (*al-Jalīl – P.*) Segala tohmah-tohmah yang sebenarnya mereka sendiri sedar akan kebersihannya itu telah dengan tegas dibela kesuciannya oleh al-Qur'an. Bukan itu sahaja; malahan mereka juga sedar bahawa Maryam lahir dari dua ibu bapanya yang taqwa lagi suci. Ayah Maryam sendiri adalah ketua kaumnya yang warak sedang isterinya – Hannah Abū Maryam – juga seorang yang warak lagi soleh yang bakal mengandungkan Maryam, ia bernazar kepada Tuhan bahawa ia yang akan dilahirkan itu nanti akan diserahkan menjadi khadam berkhidmat di masjid, ia mengharapkan moga-moga anak itu kelak seorang lelaki!

Tetapi setelah dilahirkannya anak yang dikandungnya itu, dan ternyata bahawa anak itu seorang perempuan; yang tentulah tidak sama dengan lelaki dalam memberi perkhidmatan di masjid, ia lalu memohon kepada Allah agar diterimanya juga nazarnya itu. Permohonannya itu diterima

Pandangan Islam

oleh Allah dengan baiknya, dan dijadikannya Maryam bertubuh badan yang sihat dan segar.

‘Imrān tak sempat melihat keremajaan Maryam kerana ia telah meninggal dunia waktu Maryam masih anak-anak lagi. Maryam lalu dipelihara oleh Nabi Allah Zakariya *‘alayhi al-Salām* (suami emak saudaranya).

Kisah Kelahiran Maryam:

Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* Yang Maha Pemurah telah melimpahkan nikmat kemurahan rezekinya kepada Maryam, sehingga setiap kali Zakariya masuk ke mihrab menemuinya didapati ada makanan terletak di dekatnya, ia hairan melihat yang demikian itu lalu bertanya: ‘Hai Maryam! Dari manakah engkau mendapat makanan ini?’ ‘Daripada Allah’ sahut Maryam. Peristiwa di atas dipaparkan Tuhan ceritanya yang menarik di dalam al-Qur’ān sebagai berikut:

“Inna Allāha aṣṭafā Ādam wa nūḥan wa āla Ibrāhīm wa āla ‘Imrān ‘alā al-‘ālamīn. dhurriyata ba‘duhā min ba‘ḍ, wa Allāhu samī‘un ‘alīm. idh qālat imra’atu ‘Imrān Rabbi innī nadhartu laka mā fī baṭnī muḥarrarā, fa taqabbal minnī innaka anta al-samī‘ al-‘alīm, falammā wa ḍa‘athā qālat Rabbi innī wa ḍa‘tuhā unthā, wa Allāhu a‘lamu bi mā wa ḍa‘at wa laysa al-dhakar ka al-unthā, wa innī sammaytuhā Maryam, wa innī uḍdhuhā bika wa dhurriyatakā mina al-shayḫān al-rajīm. fa taqabbalahā rabbuhā bi qabūlin ḥasanin wa anbatahā nabātan ḥasanā, wa kaffalahā zakariyyā, kullamā dakhala ‘alayhā Zakariyyā al-mihrāba wa jada ‘indahā rizqā, qāla yā Maryam annā laki hādihā? Qālat: Huwa min ‘indi Allāh! inna allāha yarzuqu man yashā’u bi ghayri

ḥisāb”.

Ertinya: “Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga ‘Imrān di antara segala orang-orang yang di dalam alam. Sedang mereka itu beranak cucu, setengahnya anak daripada yang lain; Allah mendengar lagi mengetahui. Ingatlah ketika perempuan ‘Imrān (Ḥannah) berkata: ‘Ya, Tuhanku! Sesungguhnya saya nazarkan anak yang di dalam kandungan saya ini kepada Engkau, jika ia lelaki buat dimerdekakan (tidak diberi pekerjaan selain daripada menjadi khadam di masjid), sebab itu terimalah ia daripada saya! Sesungguhnya engkau mendengar lagi mengetahui.’ Maka tatkala dilahirkannya anak itu seorang perempuan berkatalah ia: Ya Tuhanku! Bahawasanya saya melahirkan seorang anak perempuan”, sedang Allah mengetahui anak yang dilahirkannya itu, tiadalah lelaki itu seperti perempuan. Saya namai Maryam dan saya perlindungan dia dan anak-anaknya dengan Engkau daripada syaitan yang direjam’ maka Allah menerima Maryam itu dengan penerimaan yang baik, serta dijadikannya dengan kejadian tubuh yang baik. Yang memelihara Maryam itu ialah Zakariya, setiap Zakariya masuk ke mihrab menemui Maryam didapatinya makanan dekat Maryam itu, seraya ia berkata: ‘Hai Maryam! Dari manakah engkau mendapat makanan ini?’ Maryam menjawab: ‘Daripada Allah, bahawasanya Allah memberi rezeki sesiapa yang dikehendakinya dengan tiada terhingga’.”

- (Sūrah al-‘Imrān: 33-37).

Pandangan Islam

Demikianlah fasal pertama dari kisah Maryam yang dibentangkan al-Qur'an dengan gaya bahasa sastera yang indah, dalam rangkaian kata-kata yang jelas; menggambarkan pertumbuhan Maryam dari suatu keluarga terhormat yang dipilih Allah kerana kemuliaannya, sebagaimana ia memilih Adam, Nuh dan keluarga Ibrahim di dalam alam ini. Juga menggambarkan kehidupan Maryam di dalam mihrabnya sebelum ia melahirkan al-Masih dan bagaimana Allah limpahkan kemurahan rezekinya kepada beliau.

Maryam Menolak Pinangan:

Selepas itu barulah tiba fasal-fasal lain dari kisah Maryam dan anaknya Isa itu di beberapa tempat di dalam al-Qur'an, seperti kisah bagaimana malaikat menyeru Maryam:

"Yā Maryam inna Allāh aṣṭafāki wa ṭahharaki waṣṭafāki 'alā nisāi al-'ālamīn. Yā Maryam uqnuḥ li rabbiki wa' sjudi warka' ma'a al-rāki 'īn".

Ertinya: "Ya Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilih engkau serta membersihkan engkau dan memilih engkau di antara perempuan-perempuan yang di dalam alam. Ya Maryam! Taatlah kepada Tuhan Engkau, sujudlah dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk!"
- (Sūrah al-'Imrān ayat:42-43).

Tinggallah Maryam beriktikaf di dalam masjid jauh daripada ahli keluarganya dan orang ramai. Ia berpisah ke tempat yang di sebelah Timur di Naṣirah al-Jalīl.

Pernah salah seorang dari sepupunya yang bernama Yūsuf al-Najjār berusaha meminangnya, tetapi tidak disempurnakan perkahwinannya itu kerana Maryam telah menyerahkan dirinya kepada Allah dan pergi berkhidmat di dalam

mihrab (mengasingkan diri di sana).

Di kala itulah berlakunya kehendak Allah yang hendak memberikan kepada manusia menerusi gadis remaja ini seorang Nabi yang mulia Rasul yang agung, dan menjadikannya dan ibunya sebagai tanda kekuasaan Allah bagi manusia, dan suatu mukjizat langit, seperti firman-Nya:

Wa ja'alnā ibna Maryam wa ummahū āyah, wa āwaynā' humā ilā rabwatin dhāti qarārīn wa ma'īn."

Ertinya: "Kami jadikan anak Maryam (Isa) dan ibunya suatu tanda kekuasaan kami, dan kami letakkan keduanya di tempat yang tinggi, tempat yang tetap lagi bermata air (sungai)."

- (Sūrah al-Mu'minūn ayat: 50).

Tanda yang maha besar ini ternyata dengan penolakan Maryam dari berkahwin dengan Yūsuf al-Najjār, ia lebih mengutamakan beribadah kepada Allah dari sebarang nikmat hidup di dunia.

Malaikat Menyampaikan

Khabar Suka:

Di waktu Maryam sedang khusyuk beribadah kepada Allah dengan penuh ikhlas dan takwa di dalam mihrabnya itu, lalu Allah utuskan Malaikat Jibril kepadanya menyampaikan berita gembira dengan peristiwa yang maha besar ini. Maryam tercengang mendengar berita yang disampaikan Jibril itu, lalu ia bertanya: "Bagaimana saya boleh melahirkan anak pada hal seorang lelaki pun tidak pernah menyentuh saya?!" – jawabannya ikutilah Firman Allah seperti di bawah:

"Idh qālat al-Malā'ikat Yā Maryam inna Allāh yubashshiruki bi kalimatīn minh, usmuhu al-Masīhu 'īsā"

Lihat sambungannya di muka (13)

¹ Di dalam Al-Qur'an ialah āwaynāhumā bukan āwaynā humā

Konsep Jihad dalam Islam

Oleh: Al-Ustadh Muḥammad al-Mutawallī al-Nazāmī

Akidah Islam telah meninggalkan kesan pada mereka-mereka yang beriman kepada Allah dari kelemahan menjadi kuat, dari sedikit melahirkan bilangan yang banyak, dari perpecahan mewujudkan persatuan dan persefahaman dan dari mereka-mereka inilah lahir pemimpin-pemimpin, ulama-ulama, dan pemerintah-pemerintah yang adil serta bijak; sesuai dengan Firman Allah

“*In tanṣurū Allāha yanṣurkum wa yuṭhabbit aqdāmakum.*” Maksudnya: “Sekiranya kamu menolong Allah maka Allah akan menolong kamu dan memperkukuhkan kedudukan kamu.”

Orang-orang Islam zaman dahulu berjihad dengan gigih sesuai dengan konsep “*al-Jihād*”. Mereka cuba memahami pengertian jihad sedalam-dalamnya. Akhirnya mereka dapat meng*control*kan diri mereka, dapat menguasai seteru-seteru mereka hingga berkibarlah kalimah Allah di mercu yang paling tinggi. Nama-nama pejuang itu tercatat bersama-sama dalam sejarah mereka-mereka yang gugur syahid dalam pertarungan.

(Saringan dari Majalah Minbar Islam oleh: Khiram)

Konsep Al-Jihād:

Konsep *al-jihād* terbahagi kepada beberapa bahagian.

Bahagian pertama: Jihad dengan hati nurani, iaitu

jihad menentang hawa nafsu dan syaitan. Inilah jihad yang dianggap paling besar lantaran ianya merupakan jihad menghadapi musuh yang tersembunyi di dalam peribadi seseorang.

Bahagian kedua: Jihad dengan perantaraan lidah, iaitu

dengan menyarankan manusia supaya membuat kebaikan dan menegah dari melakukan kemungkar. Sabda

Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*man ra’ā minkum munkaran falyughayyirhu bi yadīh, fa in lam yastaṭi’ fa bilisānih, fa in lam yastaṭi’ fa biqalbih, wa huwa¹ aḍ‘afu al-Īmān*” Ertinya:

“Sesiapa dari kamu melihat sesuatu kemungkar hendaklah mengubahnya dengan tangannya, jika tidak terdaya ubahlah dengan lidah dan jika tidak berkuasa juga maka hendaklah mengubahnya dengan hatinya, ini adalah selemah-lemah iman”. Dan sabda Nabi lagi; “*Aḥḍalu al-jihād kalimat haqqin ‘inda sulṭānin jāir*” Ertinya:

“Sebaik-baik jihad ialah bercakap benar di hadapan pemerintah-pemerintah yang zalim”.

Bahagian ketiga: Jihad di jalan Allah untuk menolong

Islam dalam usaha-usaha mengembangkan akidahnya.

Di samping berbincang dan mentablighkan agama perlu juga berperang dengan orang-orang musyrik yang berusaha memusnahkan Islam, sama ada mempertarungkan jiwa

di medan-medan perang, memberi bantuan kebendaan atau menolong

merawat mereka-mereka yang cedera di medan peperangan.. Firman

Allah “*Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū hal adullukum ‘alā tijāratin tunjikum min ‘adhābin alīm? Tu ‘minūna bi Allāhi wa Rasūlih, wa tujāhidūna fī sabīli Allāhi bi amwālikum wa anfusikum dhālikum khayr lakum in kuntum ta‘lamūn*” Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman mahukah Aku (Allah) menunjukkan kamu satu perniagaan yang boleh melepaskan kamu dari siksaan? Kamu beriman dengan Allah dan Rasul-Nya. Dan kamu berjihad di jalan Allah dengan harta dan diri kamu itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.”

¹ Perkataan sebenarnya ialah dhalika bukan wa huwa

Konsep Jihad...

Islam Agama Perdamaian:

Seruan Islam berasaskan kepada fikiran dan *burhān* (bukti-bukti) bukan kekerasan. Untuk menyampaikan benih keimanan bukanlah dengan paksaan, firman Allah: “*Lā ikrāha fī al-dīn*” ertinya: “Tidak ada paksaan dalam agama” dan firman-Nya lagi: “*Ud’u ilā sabīli rabbika bi al-ḥikmat wa al-maw‘izati al-ḥasanah, wa jādilhum bi al-latī hiya aḥsan*” ertinya: “Serulah kepada jalan Allah dengan kebijaksanaan (hikmah) dan nasihat-nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan sebaik-baiknya”.

Islam ialah agama perdamaian dan suka berdamai. Sebab itulah Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* diutuskan untuk membawa rahmat bagi alam sekalian. Perdamaian, kesejahteraan dan keamanan adalah merupakan perlembagaan dan syiar bagi orang-orang Islam. Orang-orang Islam ialah pendamai yang cintakan perdamaian firman Allah: “*Wa ‘ibād al-Raḥmān al-ladhīna yamshūna ‘alā al-arḍi hawnā wa idhā khāṭabahum al-jāhilūna qālū salāmā*” ertinya: “Hamba-hamba Allah yang berjalan di atas muka bumi dengan tidak merasa takabbur, dan ambil orang-orang jahil mengata-ngata kepada mereka, mereka menjawab “*salāmā*” (sejahtera)”.

Pertanyaan yang Mengelirukan:

Tetapi di sana timbul pertanyaan yang mengelirukan berupa suatu tuduhan: “Kalau seruan Islam berasaskan fikiran, tolak ansur serta hukumnya mudah, maka kenapakah berlaku peperangan dan rampasan perang?”

Jika kita kembali kepada sejarah kita akan dapati bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tinggal di Makkah selama 13 tahun; menyeru manusia supaya memeluk Islam dengan nasihat dan hikmah. Sedikit sahaja dari

mereka yang menerima dan memeluk Islam, yang lainnya enggan dan bertindak menghina Nabi serta menyiksa sahabat-sahabat dengan harapan supaya mereka kembali ke agama asal. Bilāl misalnya diletakkan batu penggiling di atas dadanya walaupun demikian dia bersuara menyebut “*Allāhu aḥad, aḥad*” lepas itu Abū Bakar membeli dan memerdekakannya. ‘Ammar ibn Yāsir disiksa dengan besi yang dibakar, direndamkan kepalanya ke dalam air. Ibu bapanya juga disiksa demikian. Sedang penyiksaan ini berlaku Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* lalu di situ dan apabila baginda melihat baginda bersabda “*Ṣabran āla Yāsir fa maw‘idakum al-Jannah*” “Sabarlah wahai keluarga Yasir tempat kembali kamu semua ialah syurga.”

Rasulullah sendiri semasa baginda bersembahyang, Abū Jahal melemparkan tahi kambing ke atasnya. Abū Lahab dan isterinya juga turut menyiksa Nabi tetapi baginda bersabar dan berdoa: “*Allāhumma aḥdi qawmī fa innahum lā ya ‘lamūn*” ertinya: “Ya Allah tunjukkanlah kaum aku mereka itu sebenarnya tidak mengetahui”. Kemudiannya orang-orang Quraisy bersatu dengan tekad hendak membunuh Nabi dan sahabat-sahabat. Oleh itu Nabi pun berpindahlah ke Madinah. Sahabat-sahabat yang tinggal disiksa habis-habisan dengan tujuan supaya mereka akan kembali ke agama asal mereka.

Muhammad diutus untuk Manusia Sejagat:

Telah diketahui Islam ialah dakwah (seruan) seluruh alam dan Nabi Muhammad ialah Nabi untuk manusia sejagat. Firman Allah “*Wa mā arsalnāka illā raḥmatan lil ‘ālamīn*” ertinya: “Dan kami tidak mengutuskan engkau (Muhammad) melainkan sebagai rahmat sekalian alam”. Firman-Nya lagi “*Wa mā arsalnāka illā kāffatan li al-nāsi bashīran wa nadhīran*” ertinya: “Dan kami tidak mengutuskan engkau (Muhammad) kecuali bagi semua manusia membawa

Konsep Jihad...

berita gembira dan berita yang menakutkan (ancaman).”

Sebab itulah Nabi mengutus surat kepada pemerintah-pemerintah di sekitar Jazirat al-‘Arab menyeru supaya raja dan rakyatnya memeluk Islam. Setengah dari mereka menolak dengan baik seperti Muqawqis Raja Mesir. Ada pula yang mengancam untuk berperang seperti Raja Parsi dan Rom.

Dengan ini pengertian tidak dapat dielakkan demi untuk mempertahankan kesucian Islam, mempertahankan kebebasan berfikir serta mengelak dari berlakunya fitnah dan penyesakan. Untuk mengharuskan peperangan Allah berfirman: *“Udhina li al-ladhīna yuqātilūna bi annahum zulimū wa inna Allāh alā naṣrihim laqadīr, al-ladhīna ukhrijūna² min diyārihim bi ghayri haqq illā an yaqūlū rabbunā Allāh”*.

Ertinya: “Allah membenarkan mereka-mereka yang dizalimi berperang dan sesungguhnya Allah berkuasa menolong mereka, mereka dikeluarkan dari rumah (negeri) mereka dengan tidak sebenar, lantaran mereka mengatakan: Allah Tuhan kami.” Dan firman-Nya lagi. *“Wa qātilūhum ḥattā lā takūna fitnatun wa yakūna al-dīn kulluhu lillāh”* ertinya “Perangilah mereka sehingga tidak lagi berlaku fitnah dan jadilah agama semuanya bagi Allah.”

Jihad Mempunyai Batasan:

Harusnya jihad dan harusnya berperang untuk pertahanan dari seteru bukanlah bermakna mengharuskan berperang tanpa sebab-sebab. Firman Allah: *“Wa lā ta‘tadū inna Allāh lā yuḥibbu al-mu‘tadīn”* Ertinya: “Janganlah kamu melampau”. Di dalam peperangan Islam tidak mengharuskan membunuh orang-orang sakit, orang-orang lemah, perempuan dan kanak-kanak. Firman Allah: *“Wa qātilū fī sabīli Allāh al-ladhīna yuqātilūnakum wa lā ta‘tadū inna Allāh lā yuḥibbu al-mu‘tadīn”* ertinya:

“Berperanglah di jalan Allah terhadap mereka-mereka yang memerangi kamu, tetapi janganlah melampaui batasan, sesungguhnya Allah tidak suka kepada puak pelampau”. Abū Bakar mewasiatkan tenteranya: “Janganlah kamu membunuh perempuan, kanak-kanak, orang-orang tua dan orang-orang lemah atau cacat.” Walaupun Islam memberangsangkan umatnya menggunakan kekuatan (berperang), namun di samping itu juga ia menyeru agar manusia seluruhnya mencari perdamaian. Firman Allah: *“Wa in janaḥū li al-salmi fajnaḥ lahā wa tawakkal ‘alā Allāh”* ertinya: “Sekiranya mereka mahu perdamaian maka berdamlah dan bertawakallah kepada Allah. Firman Allah lagi: *“Fa ini i‘tazalūkum falam yuqātilūkum, wa alqaw ilaykum al-salam fa mā ja‘ala Allāh lakum ‘alayhim sabīla”* ertinya: “Jika mereka melucutkan kamu tidak lagi mahu memerangi kamu dan mereka pinta perdamaian maka Allah tidak mengharuskan apa-apa jalan lagi bagi kamu terhadap mereka.”

Pemimpin-pemimpin perang Islam bukanlah bertujuan untuk memaksa manusia supaya memeluk Islam dan bukanlah juga untuk menjajah mereka. Ini dapat kita lihat semasa orang-orang Islam menang di dalam satu peperangan. Mereka memberi 3 pilihan:

1. Masuk Islam.
2. Tetap menganut agama mereka tetapi membayar cukai (*jizyah*).
3. Menjadi hamba.

Islam tidak mengharuskan perang kecuali apabila terdapat perkara-perkara seperti di bawah:

1. Perangilah mereka yang memerangi dakwah Islam dan mereka yang melampau terhadap orang-orang Islam.
2. Perangi orang-orang murtad dan perangi orang-orang Islam yang tidak menjalankan hukum-hukum Allah yang diwajibkan ke atas mereka.

² Perkataan sebenar ialah ukhrijū bukan ukhrijūna

Konsep Jihad...

Kita dapat rumuskan:

1. Jihad dalam Islam diharuskan bagi menegakkan keadilan dan mengelak dari kezaliman yang dilakukan ke atas orang-orang Islam.
2. Orang-orang Islam terikat dengan firman Allah *“Wa lā ta‘tadū inna Allāh lā yuhibbu al-mu‘tadīn”*. Dan ini menjadi contoh (*mīthāl al-‘Ulyā*) di dalam tolak ansur serta mulianya pemeluk Islam. Kita boleh perhatikan di mana-mana sahaja peperangan yang pernah berlaku. Peperangan Salib yang berlaku selama 10 tahun yang berkesudahan dengan kemenangan Salahuddin Al-Ayyubi; kita dapati beliau melayani orang-orang tawanan dengan baiknya semasa

Richard The Lion Hert

mendapat luka, Salahuddin datang sendiri mengubatnya sehingga sembuh kemudian dibebaskan. Dari sini manakah bukti yang mengatakan Islam melampau batas dan merampas? Jika kita bandingkan peperangan yang dilakukan oleh orang-orang Barat hari ini dengan peperangan Islam dapatlah kita membuat kesimpulan sendirian. Beribu-ribu jiwa terkorban di Hiroshima dan Nagasaki dengan sekaligus akibat dari bom atom Amerika. Palestin direbut serta penduduk-penduduk dibunuh. Setengahnya dihalau dengan cara yang paling kejam. Kini mereka tinggal di khemah-khemah yang diawasi oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Untuk mengembalikan Palestin kepada rakyat-rakyatnya, jihad dan pengorbanan tidak dapat dielakkan.

Pandangan Islam...

ibnu Maryam, wa jīhan fī al-dunyā wa al-ākhirati wa mina al-muqarrabīn. Wa yukallimu al-nāsa fī al-mahdi wa kahlan wa mina al-ṣāliḥīn. Qālat rabbi annā yakūnu lī wa ladun wa lam yamsanī bashar? Qāla kadhaliki Allāh yakhluku mā yashā’, idhā qaḍā amrā, fa innamā yaqūlu lahu kun fayakūn”

Ertinya: “Ingatlah ketika malaikat berkata: ‘Ya Maryam! Sesungguhnya Allah memberi khabar suka kepada engkau dengan kalimahNya, yakni dengan seorang anak namanya al-Masīh Isa anak Maryam, yang mempunyai kebesaran di atas dunia dan di akhirat, sedang ia salah seorang daripada orang-orang yang

Sambungan dari muka (9)

dekat kepada Allah. Ia bercakap-cakap dengan manusia dalam buaian (ketika ia masih kecil) dan ketika besarnya, dan ia seorang daripada orang-orang yang soleh’. Maryam berkata: ‘Ya Tuhanku! Bagaimanakah saya akan mendapat seorang anak, sedang diri saya belum pernah disentuh lelaki?’ Allah menjawab: ‘Demikianlah Allah menjadikn apa-apa yang dikehendaki-Nya; apabila ia hendak memperlakukan suatu pekerjaan, maka ia berkata: Jadilah engkau, maka jadilah ia’ - (Sūrah al-‘Imrān ayat: 45-47).

(Bersambung).

Seruan Suci untuk Kaum Muslimin

Sejarah telah membuktikan bahawa penyebaran agama Islam adalah terhenti di atas perjuangan. Tanpa perjuangan Islam tidak dapat lahir untuk memenuhi kehendak-kehendak jiwa manusia, kerana perjuangan itu adalah merupakan rukun atau *conception* untuk menuju ke arah matlamat hidup dengan lain perkataan bahawa perjuangan adalah dapat menghasilkan nilai-nilai hidup yang sempurna dan penuh bererti.

(Oleh: Miza Lutfi)

Antara Dua Perjuangan:

Oleh itu tidaklah pelik kalau Islam lahir dengan dialog-dialog perjuangan. Sama ada perjuangan di medan perang dengan menggunakan kekuatan senjata, tenaga, kepintaran, kesabaran, keberanian dan sebagainya. Atau perjuangan di bidang rohani dan batin, perjuangan melawan tuntutan-tuntutan hawa nafsu dan syaitan.

Orang-orang Muslimin yang dahulu, dengan berkat pimpinan yang agresif dan maha agung itu, mereka telah berjaya mencapai kemenangan, berjaya menikmati hasil-hasil kemenangan itu, berjaya menikmati kelazatan berkorban, sehingga mereka rela mati syahid. Hal-hal ini biasa tercapai dengan dorongan dan tuntutan jiwa, dengan kekuatan iman dan rohani.

Selepas kaum Muslimin selesai dari beberapa medan perjuangan yang penting dan maha dahsyat, Rasul Allah ada berkata kepada mereka: “Kita telah kembali dari medan perjuangan yang kecil, dan akan menghadapi suatu perjuangan yang lebih besar... “Yang dimaksudkan oleh Rasulullah ialah perjuangan melawan kehendak-kehendak hawa nafsu dengan menambahkan lagi semangat keimanan kepada Allah dan mematuhi segala dasar-dasar ajaran Islam.

Kejayaan kaum Muslimin yang dahulu itu bukan kerana lain, tetapi ialah kerana keteguhan iman mereka. Kepercayaan mereka bulat kepada Tuhan, dan bertunjang di lubuk hati yang tak biasa dirobek-robekkan dengan kekuatan senjata dan mata pedang. Malah sebaliknya kejadian kaum yang sedikit dapat mengalahkan kaum yang banyak dengan izin Allah” (al-Baqarah: 249). “Adalah hak kami menolong orang-orang Mukmin” (al-Rūm ayat: 47) “Sesungguhnya Allah menolong agamanya (al-Hajj ayat: 40). Dan beberapa ayat lagi yang menyatakan kebenaran janji Tuhan itu.

Rasulullah menyempurnakan tugasnya dengan menyeru kaum Muslimin supaya terus berjuang untuk meninggikan agama Allah. Firman Tuhan yang bererti: “Hai Nabi! anjurkanlah kepada orang-orang yang beriman itu berperang. Jika dua puluh orang antaramu yang berhati sabar. Nescaya boleh mereka mengalahkan dua ratus orang kafir, jika ada seratus, boleh mengalahkan seribu orang kafir, kerana mereka orang yang tidak berpengetahuan” (al-Anfāl ayat: 65). Orang-orang Muslimin segera menyahut seruan Nabi, mereka berkata kepada Rasulullah: “Kami terima Ya Rasulullah! Kami terima.

Seruan Suci...

Roh dan jiwa kami bersama-sama tuan Ya Rasulullah!
.... kemenangan kami ialah kemenangan untuk dunia dan akhirat” apa lagi mereka itu terus diberangsang oleh beberapa ayat lain di antaranya: “Janganlah kamu kira mati orang-orang yang terbunuh pada jalan Allah itu. Bahkan mereka itu hidup pada sisi Allah serta mendapat rezeki” (*Āli-‘Imrān* ayat: 169). Dan lagi firman-Nya yang bermaksud: “Janganlah kamu katakan mati orang-orang yang terbunuh pada *sabīl Allāh* (jalan Allah) tetapi mereka hidup, tetapi kamu tiada ingat” (al-Baqarah ayat: 154).

Demikianlah perintah Tuhan dari beberapa ayat al-Qur’ān hingga dapat meresap ke dalam jiwa orang-orang Mukmin. Dapat menyemarakkan api perjuangan yang berkobar-kobar di dalam jiwa mereka. Dan dapat menghapuskan segala perasaan takut dan gerun menghadapi musuh, Islam. Sebaliknya pula bertambah-tambah lagi keyakinan mereka kepada Tuhan dalam menghadapi musuh-musuh Islam dalam satu barisan yang bersatu padu, kuat dan utuh.

Strategi Perang:

Sebelum orang-orang Muslimin menceburkan diri dalam medan perang, Islam terlebih dahulu menganjurkan mereka supaya mengatur kedudukan¹ dan strategi perang, supaya kekuatan dapat ditentang dengan kekuatan. Firman Tuhan yang bererti: “Hendaklah kamu bersedia buat melawan mereka itu sekadar tenagamu, iaitu dengan kekuatan dan askar berkuda yang berpaut di batas negeri, supaya boleh kamu mempertakuti musuh-musuh Allah dan musuhmu” (al-Anfāl ayat: 60).

Al-Qur’ān mengajar kaum Muslimin supaya menyediakan alat kelengkapan untuk melawan musuh, iaitu kekuatan yang cukup untuk menjaga perbatasan negeri. Sebab itulah semua negara pada masa ini mempunyai persediaan yang sempurna guna untuk mempertakuti musuh.

Setengah-setengah ahli ilmu pengetahuan berpendapatan bahawa bersedia untuk berperang menghalang daripada terjadinya peperangan. Kerana tiap-tiap negara mengira bahawa musuhnya mempunyai persediaan yang cukup; sebab itu ia takut menyerangnya. Dari itu terhindarlah bahaya peperangan.

Islam menganjurkan bahawa jika musuh itu suka berdamai, hendaklah kamu suka pula, dan sekali-kali tidak boleh kamu memerangi mereka. Dari sini maka nyatalah bahawa agama Islam itu agama perdamaian, agama kesejahteraan untuk seluruh dunia.

Apa yang dianjurkan oleh al-Qur’ān (Islam) supaya menyediakan kekuatan, ialah menyediakan alat senjata yang cukup sekadar tenaga untuk angkatan darat, laut, dan udara. Jika tidak nescaya kita akan menjadi umat yang lemah, dan akan ditelan oleh umat yang kuat dan mempunyai alat senjata yang cukup, beginilah perintah al-Qur’ān.

Kekuatan Iman:

Meskipun musuh-musuh Islam mempunyai bilangan dan alat kelengkapan yang cukup, tetapi kaum Muslimin dapat mengalahkan mereka. Kaum Muslimin mempunyai dua kekuatan senjata yang maha kebal, iaitu kekuatan angkatan bersenjata dan kekuatan iman dan rohani. Di mana dari kekuatan iman dan rohani inilah kaum Muslimin dapat menggempurkan musuh-musuh mereka yang ketat terhadap Allah dan agamanya. Beginilah keistimewaan orang-orang Muslimin yang dahulu sehingga mereka bisa mencapai kemenangan yang gemilang. Sesungguhnya Allah memberkati

¹ ejaan sebenarnya kedudukan

Seruan Suci...

perjuangan mereka dan Allah jua yang memberi ganjaran yang mulia, baik di dunia ini mahu pun di akhirat kelak.

Keadaan Kaum Muslimin di Hari Ini:

Apa hal pula kedudukan kita kaum Muslimin di hari ini, dalam hal menjaga kehormatan dan kemuliaan agama Allah. Kehormatan bumi-bumi Islam daripada ditakluki oleh orang-orang kafir. Dari bumi Palestin yang didapat oleh orang-orang Yahudi pada masa ini. Apakala peristiwa perang salib yang berlaku selama dua ratus tahun itu tidak akan muncul kembali. Wahai anak cucu Jamaluddin al-Afghani! Siapkanlah dirimu. Buangkanlah selimut yang membungkusi kulitmu, hayunkanlah langkahmu ke bumi tandus yang kamu warisi dari para Nabi dan pesuruh Tuhanmu. Nun di sana jiwa yang kudus sedang menanti-nantimu bersama-sama roh *shuhadā'* dan orang-orang yang *muttaqīn*. Bumi tandus berkehendakkan pengorbananmu, berkehendakkan suara takbir dan azanmu berkumandang di celah-celah sasaran peluru dan suara-suara jentera yang songsang yang menyayat hati, pertaruhkanlah jiwamu dalam dakapan mesra yang abadi.

Kita umat Islam di hari ini tak perlu merasa curiga dan syak wasangka, ketahuilah bahawa kita adalah satu umat yang tinggi. Perjuangkanlah Islam dengan keyakinan dan sepenuh hati, agar kita mendapat sebaik-baik pembalasan dari Tuhan yang Maha Suci. Sebagaimana firman Allah bererti: “Janganlah kamu lemah dan berdukacita, sedang kamu orang-orang yang lebih tinggi. Jika kamu orang-orang yang beriman – (Āli-‘Imrān ayat:

139)”. Dan lagi firman-Nya: “Siapakah yang mahu berpiutang kepada Allah dengan piutang yang baik”. (Siapakah yang mahu menderma kepada Allah) maka Allah akan melipat gandakan pahalanya beberapa kali lipat ganda yang banyak Allah yang menyempitkan dan melapangkan rezeki. Dan kamu dikembalikan kepadanya” – (al-Baqarah ayat: 245).

Umat Islam perlu Bersatu Padu:

Umat Islam di hari ini perlu bersatu padu di dalam satu barisan yang kuat dan utuh untuk menghadapi musuh-musuh Islam yang semakin sehari semakin jelas ternyata. Lupakanlah ideologi politik ciptaan manusia yang menimbulkan perselisihan dan pertelingkahan sesama sendiri. Marilah kita bersatu padu dalam satu ideologi politik yang tulen dan jati, ideologi yang dicipta oleh Tuhan *Rabb al-‘Ālamīn*, iaitulah ideologi Islam. Marilah kita tegakkan ideologi Islam di bumi Tuhan ini.

Marilah kita bersihkan bumi-bumi Tuhan ini, dari segala sifat kekotoran yang mungkar dan keji. Perlengkapkanlah diri kita dengan kekuatan senjata iman dan rohani, sehingga kita boleh menandingi dan mengatasi dari umat-umat yang lain, kerana itulah suruhan Tuhan, itulah perintah Tuhan ke atas tiap-tiap seseorang Muslim: “Sesungguhnya Allah membeli diri orang-orang yang beriman bersama hartanya, bahawasanya untuk mereka disediakan syurga. Maka berperanglah pada jalan Allah. Lalu membunuh atau dibunuh orang. Sebenarnya janji Allah di atasnya yang termaktub dalam Taurat, Injil dan al-Qur’ān: Siapakah yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah. Hendaklah kamu beri khabar suka dengan setia yang telah kamu bersetia dengan dia. Demikian itulah kemenangan yang besar”. (al-Tawbah ayat: 111).

Jawapan kepada Al-Şamadī

Ertinya: “Sesungguhnya seorang daripada

kamu jika mati, akan ditunjukkan kepadanya tempat duduknya pagi dan petang. Jika ia daripada ahli syurga, maka (ia akan lihat dirinya) daripada ahli syurga, dan jika ia daripada ahli neraka, maka (ia akan lihat dirinya) daripada ahli neraka. Akan dikatakan kepadanya: ‘Itulah tempat dudukmu hingga Allah membangkitkanmu kepadanya pada hari kiamat’”.

Penjelasan:

Dengan hadith ini terang-terangan Nabi (S.A.W) menyerahkan keadaan mayat yang di dalam kubur itu kepada pembawaan dirinya masing-masing; jika ia dari golongan orang yang soleh dan banyak amal kebajikan yang telah dilakukannya semasa ia hidup di dunia, maka ia sendiri akan ditunjukkan tempat yang bakal didudukinya pada hari kiamat kelak iaitu syurga, tetapi jika ia dari golongan orang yang *ġālih* (jahat), maka ia akan ditunjukkan pula tempat yang bakal didudukinya pada hari ia dibangkitkan kelak iaitu neraka Jahanam. Ini sahajalah yang dikatakan oleh Nabi (S.A.W), tidak lebih dari itu. Kalau kaum kerabat si mati itu mengharapkan ia diringankan dari seksa kubur atau melepaskannya dari huru-hara di dalamnya, maka Nabi (S.A.W), menyuruh mereka itu memohon ke hadrat Ilahi dengan mendoakannya; sama ada doa mereka itu akan diterima atau pun ditolak, maka itu terpulanglah atas pertimbangan Tuhan, kerana kekuasaan memberi keampunan dan menyiksa seseorang itu adalah terletak di tangan-Nya (kekuasaan-Nya), sebagaimana firman-Nya dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat (284) – yang telah

saya kemukakan dalam makalah saya di majalah Qalam bilangan (217) itu, baginda tidak memerintahkan supaya dalam kafan mayat itu dibekalkan suatu kebendaan yang berupa harta mahu pun tangkal azimat. Kerana perbuatan yang demikian itu – sebagaimana yang telah saya terangkan di majalah Qalam bilangan (225) bulan lalu – adalah menyerupai perbuatan penganut-penganut agama Majusi.

Maksud hadith di atas memang sesuai benar dengan firman Tuhan di dalam *Sūrah al-Zilzāl* ayat (7-8) yang telah saya bentangkan dalam makalah saya di ruangan majalah Qalam bilangan (217) itu, yang mana tuan Ibn Muhammad Al-Şamadī menuduh saya mengemukakan kedua-dua ayat tersebut “hanya agak-agak oleh fahaman palsu buat menentang ‘Azimat Kafan’ yang telah beliau siarkan kepada masyarakat umum itu. Saya masih belum faham dari segi mana beliau mengatakan saya membawa kedua-dua ayat itu ‘hanya agak-agak oleh fahaman palsu?’ Cubalah tolong tuan terangkan dengan jelas kepada saya jika risalah tuan yang kedua kelak tuan terbitkan pula!”

Di antara sebab-sebab maka Rasulullah (S.A.W) tidak berani membayangkan keadaan mayat yang telah berada di liang lahad itu sama ada ia mendapat keampunan dari Tuhan atau pun akan menerima seksa-Nya – selain daripada baginda tidak mahu mencampuri sesuatu urusan Tuhan di alam ghaib itu – ialah kerana baginda sendiri mengetahui bahawa arwah orang-orang yang telah mati itu akan melalui tiga ujian:

1. *Ḍammāt al-Qabr*. (Himpitan kubur).
2. *Sū’āl al-Qabr*. (Soal kubur).
3. *‘Adhāb al-Qabr aw Na’īm al-Qabr*. (Azab kubur atau Nikmat kubur).

Himpitan Kubur:

Menurut keterangan dari *Nuṣūṣ Ahādīth Ṣaḥīḥah* bahawa setiap orang yang sudah mati itu – semasa mereka berada di alam Barzakh – (sama ada kecil besar, tua, muda, kafir Islam) semua mereka itu akan dikenakan himpitan kubur. Dalilnya sebagaimana sabda junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) di dalam tiga hadithnya seperti di bawah ini:

1. “*Inna li al-Qabri dağḥṭatan, law kāna aḥadun minhā nājiyā, lanajā minhā Sa‘ad bin Mu‘ādh.*”

Ertinya: “Sesungguhnya kubur itu ada mempunyai himpitan, jika ada siapa yang terlepas daripadanya, nescaya terlepaslah Sa‘ad bin Mu‘ādh”.

- Hadith riwayat: Aḥmad dan Ibn Jarīr).

Keterangan:

Sa‘ad bin Mu‘ādh seorang sahabat Nabi (S.A.W) dari kaum Ansar yang telah mengorbankan tenaganya yang bukan sedikit di dalam perjuangan mengembangkan Islam di kota Madinah dan seorang pembantu Nabi (S.A.W) menghadapi pemberontakan orang-orang Yahudi Bani Qurayzah di kota Madinah di dalam peperangan Al-Aḥzāb yang lebih terkenal dengan nama peperangan “Khandaq”.

Beliau adalah dari keturunan Aus dan menjadi ketua Bani Abdul Ashal yang sangat besar pengaruhnya. Beliau masuk Islam dengan mudahnya di tangan Muṣ‘ab bin ‘Umayr (salah seorang pengembang Islam yang diutus khas oleh Rasulullah (S.A.W) dari Makkah ke kota Madinah). Dengan sebab Islamnya beliau maka sekalian pengikut-pengikutnya daripada Bani Abdul Ashal terus memeluk agama Islam dan bersama-sama berjuang

dengan ketuanya menentang musuh-musuh Islam.

Akhirnya beliau diangkat oleh Rasulullah (S.A.W) menjadi hakim untuk mengadili kesalahan orang-orang Yahudi Bani Qurayzah yang mengkhianati perjanjiannya tidak akan serang menyerang dengan orang-orang Islam di Madinah. Kewafatannya adalah disebabkan luka parah di lengannya terkena anak panah musuh di dalam peperangan Al-Aḥzāb.

Ibn Ishak menceritakan: Ketika Sa‘ad akan wafat – waktu tengah malam – datanglah malaikat Jibrīl ‘*alayhi al-Salām* – membalutkan kepalanya dengan kain sutera *istibraq* (sejenia sutera kasar), kemudian ia terus mendapatkan Rasulullah (S.A.W) seraya berkata: “Wahai Muhammad! Siapakah mayat ini yang dibukakan baginya pintu-pintu langit dan bergoncang arasy?” Setelah mendengar pertanyaan Jibrīl itu maka Rasulullah pun lantas bangun mendapatkan Sa‘ad, di kala kain tutupan Sa‘ad disingkap oleh baginda, maka di dapatinya Sa‘ad sudah wafat. Inilah di antara kemuliaan Sa‘ad bin Mu‘ādh yang dikurniakan Allah kepadanya dari masa hidup hingga ke hari wafatnya.

Tujuan Saya Membawa Kisah Mu‘ādh:

Saya bawa kisah ini untuk pengetahuan para pembaca sekalian – kalau pun tuan Ibn Muhammad Al-Şamadī sudah mengetahuinya – ialah menunjukkan sedang beliau seorang sahabat Ansar yang dicintai oleh Allah dan Rasul-Nya, akan dikenakan juga himpitan kubur. Sebagaimana pengakuan dari Rasulullah sendiri di dalam hadith di atas. Kalau Rasulullah (S.A.W) pada ketika itu diberi kekuasaan oleh Allah untuk melepaskan seorang sahabat yang dikasihinya itu daripada himpitan kubur nescaya baginda akan melepaskannya daripada himpitan kubur itu. Tetapi baginda tidak ada kuasa berbuat demikian. Hadith yang kedua pula nasnya seperti di bawah ini:

Jawapan kepada Al-Şamadī

Sabda Rasulullah (S.A.W):

2. *“Law aflata aḥadun min ḍammāt al-Qabri la’ aflata hadhā al-Şabīy”.*

Ertinya: Jika ada seseorang yang boleh terlepas daripada himpitan kubur nescaya terlepaslah anak kecil ini”.

- Hadith riwayat: Al-Ṭabarānī).

Walau bagaimana pun himpitan kubur yang dikenakan ke atas orang-orang yang beriman itu tidaklah seberat himpitan yang dikenakan ke atas orang-orang kafir. Ini ada dijelaskan oleh Rasulullah (S.A.W) di dalam suatu hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bayhaqī dan Al-Dīlmī, sebagaimana sabdanya:

3. *“Wa inna ḍagḥṭata al-qabri ‘alā al-mu’min ka al-Ummi al-Şafīqah yashkū ilayhā ibnuhā al-şudā’a fa taghmazu ra’sahu ghamzan rafīqā, wa lakin Yā ‘Ā’ishah waylun li al-şākkīna fī Allāh kayfa yuḍḡaṭūna fī qubūrihim kaḍagḥṭati al-şakhrati ‘alā al-bayḍah.*

Ertinya: “Sesungguhnya himpitan kubur ke atas orang mukmin (beriman) itu seperti ibu yang sayang, yang anaknya mengadu kepadanya sakit kepala, lalu dipicit kepalanya dengan suatu picitan yang lembut, tetapi wahai ‘Ā’ishah! Celakalah orang-orang yang syak (ragu-ragu) tentang (zat dan kekuasaan Allah). Dengan amat dahsyat mereka dihimpit oleh kubur-kubur mereka sebagaimana himpitan batu gunung (yang keras pejal) atas sebiji telur”.

- Hadith riwayat: Al-Bayhaqī dan Al-Daylamī).

Penjelasan:

Menurut keterangan dari tiga hadith tersebut nyatalah kepada kita bahawa setiap manusia yang telah mati itu sewaktu mereka berada di lubang kubur – sama ada kecil besar, tua muda, kafir Islam – tidak syak lagi mereka tidak akan terlepas daripada himpitan kubur. Cuma cara himpitan yang dikenakan ke atas manusia yang beriman dengan manusia yang kafir itu adalah berbeza sebagaimana yang telah diterangkan oleh Rasulullah (S.A.W) di dalam hadith yang ketiga.

Di dalam hadith yang pertama dan kedua Rasulullah (S.A.W) menerangkan bahawa himpitan kubur itu – tidak syak lagi – mesti dirasakan oleh setiap manusia yang telah mati walaupun ia seorang sahabat yang paling dikasihi oleh Rasulullah mahu pun ia seorang kanak-kanak yang masih bersih jiwanya (belum menanggung sebarang dosa).

Mengapa kita ragu-ragu dan menyusahkan diri?

Di dalam hadith yang ketiga pula Rasulullah (S.A.W) menjelaskan perbezaan cara himpitan kubur yang dikenakan ke atas orang-orang mukmin (orang-orang Islam) dengan cara himpitan kubur yang dikenakan ke atas orang-orang kafir. Himpitan kubur yang dikenakan ke atas orang mukmin tak ubah seperti suatu picitan yang penuh dengan emosi “kasih sayang” dari seorang ibu ke atas kepala seorang anak kandungnya yang mengadukan sakit kepala. Adapun himpitan kubur yang dikenakan ke atas orang-orang yang kafir itu sama seperti himpitan setongkol batu bukit yang keras pejal ke atas sebiji telur yang berkulit lembut dan tipis.

Jawapan kepada Al-Şamadī

Begitulah di dalam hadith ini Rasulullah (S.A.W) telah membayangkan dengan begitu jelas dan terang sekali akan himpitan kubur yang pasti dirasakan oleh setiap umat manusia – sama ada kecil besar, tua muda, kafir Islam – yang berada di dalam kubur masing-masing. Jadi apa yang mesti kita bimbangkan dan apa yang mesti kita ragu-ragukan lagi? Bukankah setiap orang mukmin (yang benar-benar ia itu orang mukmin) telah dijamin oleh Rasulullah bahawa himpitan kubur yang akan dikenakan ke atasnya itu adalah ringan ibarat seorang ibu memicit kepala anak kandungnya yang sedang mengidap sakit kepala? Tidak percayakah kita dengan kandungan hadith ini? Bukankah orang-orang yang benar-benar mukmin itu apabila ia mati akan membawa bersama-sama dengannya amal kebajikan yang telah dilakukannya semasa ia hidup di alam dunia ini? Hanya amal kebajikannya yang dibawanya itu sahajalah yang boleh melepaskan dirinya daripada himpitan kubur (yang boleh juga dianggap salah satu daripada huru-hara kubur yang bakal dihadapi oleh setiap manusia yang berada di alam barzakh kelak). Mengapa kita mesti bersusah payah menulis “tangkal-tangkal azimat” kemudian dimasukkan ke dalam sebuah botol yang bertutup rapat setelah itu ditaruhkan pula ke dalam kain kafan si mati itu untuk dijadikan bekalnya bagi mengelakkan daripada huru-hara kubur? Bukankah di lembaran kitab suci al-Qur’ān Tuhan ada menegaskan bahawa sebaik-baik bekal yang dibawa pulang oleh seseorang hamba ke alam akhirat untuk menemui Tuhannya itu ialah “taqwa” sebagaimana firman-Nya yang tercatat di dalam Sūrah al-Baqarah ayat (197):

“*Wa tazawwadū fa inna khayr al-zādi al-taqwā, wattaqūni yā ulī al-bāb*”.

Ertinya: “Dan bawalah perbekalan, maka sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah “taqwa” dan takutlah kamu kepadaKu wahai orang-orang yang berakal!”.

Menurut firman Tuhan di atas hanya “taqwa kepada Allah” ini sahajalah sebaik-baik bekal yang patut disediakan oleh orang-orang hidup untuk persediaan menghadapi huru-hara kubur di alam barzakh nanti. Tidak percaya jugakah kita kepada akuan Tuhan di dalam firman-Nya di atas? Kalau Tuan Muhammad ibn Al-Şamadī menganggap bahawa ayat-ayat dan doa-doa yang tuan tulis di dalam “Azimat Kafan” yang tuan siarkan itu mengandungi berkat atau ada kekuasaan untuk melepaskan seseorang hamba daripada huru-hara kubur. Maka menurut fikiran saya ayat-ayat dan doa-doa yang terkandung di dalam kitab suci al-Qur’ān yang tiga puluh juzuk itu lebih besar berkat dan manfaatnya. Kalau begitu bukannya lebih baik kalau tuan fatwakan sebuah al-Qur’ān yang tiga puluh juzuk itu sahaja ditaruhkan ke dalam kain kafan orang mati yang bakal dimasukkan ke liang kubur itu dengan tujuan “*In shā-Allāh*” ditolongkan mayat itu daripada huru-hara kubur – sebagaimana kata tuan yang tertulis di bawah “Azimat Kafan” itu.

Soal Kubur:

Soal kubur ini ertinya ialah pertanyaan-pertanyaan mengenai iktikad atau akidah Islamiyah yang akan dikemukakan oleh dua malaikat yang bernama XXX² wa Nakīr kepada mayat di dalam kubur. Hal ini tak payahlah saya jelaskan kerana setiap orang Islam sudah pun mengetahuinya. Beberapa ayat Qur’an dan nas-nas yang *şarīh* daripada hadith-hadith Nabi sudah pun menerangkan dengan jelas. Apa-apa pertanyaan yang bakal dikemukakan oleh malaikat XXX³ wa Nakīr itu dan jawapan-jawapan yang mesti diberikan kepada kedua-dua malaikat yang bertanya itu biasa kita dengar sewaktu pak-pak imam membaca

² Perkataan sebenarnya ialah Munkar.

³ Perkataan sebenarnya ialah Munkar.

Jawapan kepada Al-Şamadī

talkin di atas kubur, kemudian daripada jenazah selamat dikebumikan.

Azab Kubur atau Nikmat Kubur:

Cuma yang patut rasanya saya terangkan ialah tentang “azab kubur atau nikmat kubur” salah satu daripada keduanya mesti dirasakan oleh setiap manusia kemudian daripada ia mati – sama ada orang Muslim atau pun kafir – setiap orang Islam wajiblah memercayainya, kerana banyak hadith-hadith Nabi yang menerangkan soal ini, di antaranya sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

“*Al-Qabru ḥuḍratun min ḥuḍari jahannam aw rawḍatun min riyāḍi al-Jannah*”.

Ertinya: “Kubur itu suatu lubang daripada beberapa lubang neraka Jahanam, atau suatu kebun daripada beberapa kebun syurga”

- (Hadith riwayat: Al-Bayhaqī dan Ibn Abī al-Dunyā).

dan sabdanya lagi:

“*Innamā al-qabru rawḍatun min riyāḍi al-jannati wa⁴ ḥuḍratun min ḥuḍari al-nār*”

Ertinya: “Kubur itu tidak lain melainkan satu kebun daripada kebun-kebun syurga, atau satu lubang daripada lubang-lubang neraka”.

- Hadith riwayat: Ibn Mandah)

Walau bagaimana pun di dalam satu hadith yang lain yang diriwayatkan oleh Ibn Mandah juga, Rasulullah (S.A.W) menjamin bahawa setiap orang mukmin itu akan mendapat nikmat kubur sebagaimana sabdanya:

“*Al-Mu‘min fī qabrihi fī rawḍatan khadrā’, yurāḥḥabu qabrihu sab‘īna dhirā‘ā, wa yunawwaru lahu ka al-qamari fī laylata al-Badr*”.

Ertinya: “Orang mukmin di kuburnya itu adalah di dalam sebuah kebun yang hijau, diluaskan kuburnya tujuh puluh hasta dan diterangkan baginya seperti malam (yang gelap gelita disinari) bulan purnama”.

- (Hadith riwayat: Ibn Mandah).

Cara-cara Rasulullah (S.A.W) Minta

Diperlindungi daripada Azab Kubur:

Kemudian saya suka membawa satu hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī yang menerangkan bagaimana cara Rasulullah (S.A.W) meminta diperlindungi dirinya daripada azab kubur yang mana cara yang dilakukan oleh baginda itu wajiblah diikuti oleh setiap kaum muslimin yang benar-benar mengakuinya sebagai seorang Rasul Allah. Cara baginda memohon perlindungan daripada azab kubur itu adakah dengan perantaraan sesuatu “azimat?” Tidak! Tetapi hanya dengan perantaraan beberapa kalimah doa yang mudah difahami maknanya dan mudah pula dihafazkan jumlah katanya. Inilah doa baginda itu:

“*Allahumma innī a‘ūdhubika min ‘adhābi al-qabr*”.

Ertinya: “Wahai Tuhan! Aku berlindung denganmu daripada azab kubur”.

Di dalam Islam tidak ada sesuatu amalan yang menyusahkan orang-orang mukmin melakukannya, sebagaimana firman Tuhan di dalam Sūrah al-Baqarah ayat (185):

“*Yurīdu Allāh bikumu al-yusra wa lā yurīdu bikumu al-‘usra*”.

Ertinya: “Allah menghendaki kelonggaran bagi kamu dan ia tidak menghendaki kesusahan bagi kamu”.

Di dalam Sūrah al-Baqarah ini juga ayat (286)

Allah berfirman pula:

“*Lā yukallifu Allāhu nafsan illā wus‘ahā*”.

Ertinya: “Allah tidak membebani (memberatkan) seseorang melainkan kadar kesanggupannya”.

⁴ Perkataan sebenar ialah *aw* bukan *wa*

Jawapan kepada Al-Şamadī

Mengenai Allah memberikan keringanan ke atas hamba-hambanya di dalam urusan ibadah dan kehidupannya silalah baca firman-Nya lagi di dalam Sūrah al-An‘ām ayat (152), di dalam Sūrah al-A‘rāf ayat (42), di dalam Sūrah al-Mu‘minūn ayat (62) dan juga di dalam Sūrah al-Baqarah ayat (233).

Keringanan-keringanan yang diberikan Allah kepada hamba-Nya yang berjenis manusia ini, ialah dari kerana Allah itu mengetahui setakat mana kekuatan tenaga dan akal fikiran yang telah dikurniakan kepada manusia yang bersifat lemah ini. Ini memang Tuhan akui sendiri melalui firman-Nya di dalam Sūrah al-Nisā’ ayat (28):

“*Yurīdu Allāhu an yukhaffifa ‘ankum wa khuliqa al-insānu ḍa‘īfā*”.

Ertinya: “Allah hendak memberikan keringanan kepada kamu, kerana manusia itu dijadikan bersifat lemah”.

Kalau sudah begitu besar sekali keringanan-keringanan yang telah diberikan Tuhan kepada kita untuk menjalankan urusan-urusan ibadah dan urusan-urusan keduniaan kita, mengapa kita lebih sukakan perkara-perkara yang berat dan susah-susah? Kalau Tuhan sudah mengatakan memberi nikmat dan menyeksa manusia yang telah berada di alam arwah itu adalah urusannya sendiri, mengapa kita mesti bersusah payah hendak mencampuri urusan Tuhan itu. Kalau Nabi kita (S.A.W) sudah mengajar supaya kita meminta perlindungan daripada azab kubur itu dengan melalui doa yang dibaca, mengapa pula kita mesti menyusah-nyusahkan diri mencari kertas, dakwat dan kalam untuk menulis “Azimat-azimat Kafan” yang panjang berjela-jela, kemudian mencari pula botol yang bertutup rapat sebagai tempat ditaruhkan “Azimat Kafan” yang akan dibekalkan kepada mayat itu? Bukankah ini satu

perbuatan yang menyusahkan diri kita sendiri?

Qad ṣadaqa Allāh bi qawlihi fī kitābihi al-‘Azīz:

“*Wa laqad ṣarrafnā fī hādihā al-Qur‘ān li al-Nās min kulli mathal, wa kāna al-insān akthara shay‘in jadalā*”.

 (Sūrah al-Kahf: 54).

Inilah tiga ujian yang mesti dilalui oleh setiap makhluk yang berjenis manusia sewaktu mereka telah bersemadi ke alam arwah, sebagaimana yang telah diterangkan sendiri oleh Rasulullah (S.A.W) melalui hadith-hadithnya yang telah saya bentangkan di atas.

Hadith yang Melarang Tangkal Azimat:

Adapun mengenai tuan mengatakan: “Tidak ada al-Qur‘ān dan al-Ḥadīth yang sah dan terang mengharamkan “azimat kafan” itu, maka di bawah ini akan saya kemukakan dua buah hadith sahih yang saya petik dari buku “Soal – Jawab” yang diterbitkan oleh “Persatuan Islam” Bandung – Indonesia (Penggal keempat muka surat 25):

1. “*Inna al-ruqā wa al-tamā‘im wa al-qawlata⁵ shirk*”.

Ertinya: “Sesungguhnya jampi-jampian dan tangkal-tangkal dan *tiwalah*⁶ itu menjadi musyrik”.

- (H. S. R. Ibn Hibban).

Maksud perkataan “*tiwalah*” dalam hadith di atas - menurut *footnote* (catitan di bawah halaman atau dalam Bahasa Arab *Hāshiyah fī Asfala al-Şafhat*) dalam buku “Soal – Jawab” tersebut ialah:

“Jampi-jampi” dan hafalan-hafalan ubat guna yang dibuat oleh seorang perempuan supaya dicintainya oleh lakinya (suaminya)”.

2. “*Man ‘allaqa faqad ashrak⁸*”.

Ertinya: “Barangsiapa menggantungkan (azimat) maka sesungguhnya ia telah jadi musyrik”.

- (H. S. R. Ibn Hibban).

⁵ Perkataan sebenarnya ialah *al-Tiwalata* bukan *al-Qawalata*

⁶ Perkataan sebenarnya ialah *tiwalah* bukan *tilawah*

⁷ Ibid.

⁸ Ayat yang sebenarnya ialah *Man ‘allaqa tamīmatan faqad ashrak* bukan *Man ‘allaqa faqad ashrak*

Jawapan kepada Al-Şamadī

Kata pengarang buku “Soal - Jawab” itu

mengulas tujuan kedua-dua hadith di atas:

“Dengan memperhatikan hadith-hadith itu, nyatalah bahawa percaya kepada tangkal-tangkal, azimat-azimat, tukang-tukang tenung, semuanya itu menjadikan seseorang kepada musyrik”.

Ulasan dan Pendapat Saya:

Meskipun pengarang buku “Soal – Jawab” itu dalam ulasannya di atas tidak menerangkan jenis tangkal-tangkal dan azimat-azimat yang dilarang oleh Rasulullah (S.A.W) bagi seorang Muslim menggunakannya sampai menjadikannya musyrik, tetapi saya tidaklah berani mengatakan “salah” kalau tangkal azimat itu keseluruhannya mengandungi ayat-ayat suci atau pun doa-doa yang dipilih daripada ayat-ayat al-Qur’ān untuk dijadikan penderis diri dari mara bahaya oleh orang-orang yang masih hidup. Sedang Rasulullah (S.A.W) sendiri pun pernah membaca doa yang dipetikinya dari Sūrah Yasīn ayat (9) sewaktu baginda keluar daripada rumahnya yang dikawal rapi oleh pemuda-pemuda *kuffār* Quraysh yang bersenjata lengkap (pedang terhunus) yang telah diperintahkan oleh ketua-ketua mereka untuk membunuhnya. Dengan menaburkan segenggam pasir sambil membaca ayat tersebut, Rasul Allah (S.A.W) lantas keluar dari pintu rumahnya berjalan dengan langkah yang tenang di hadapan muka pemuda-pemuda Quraysh yang berkawal di sekeliling rumah baginda itu. Sehingga tidak seorang pun di antara mereka yang terlihat baginda keluar berjalan melalui lorong-lorong dan jalan-jalan yang mereka kawal dengan serapi-rapinya itu.

Di dalam peristiwa Isrā’ dan Mi’rāj pula diriwayatkan Rasulullah (S.A.W) ada membaca satu doa yang

ma’thūr (terpilih) ketika baginda bertemu dengan jin Ifrit dalam perjalanan Isrā’nya dari Makkah ke Bayt al-Maqdis lafaz niat itu adalah seperti di bawah ini:

“*A ‘ūdhu biwajhi Allāh al-Karīm wa bikalimāti Allāh al-tāmmāt al-lāti lā yujāwizuhunna birra wa lā fājirun min sharri mā yunzilu mina al-samā’i wa min sharri mā ya’ruju ilayhā wa min sharri mā dhara’a fī al-arḍi wa min sharri mā yakhruju minhā, wa min fitan al-layli wa al-nahāri, wa min ṭawāriq al-layli wa al-nahāri illā ḫāriqan yuṭarraqu bi khayrin yā Raḥman*”.

(Dipetik dari kitab: *Al-Isrā’*

wa Al-Mi’rāj fī Daw’i al-Manhaj al-‘Ilmī al-Ḥadīth”, karangan al-Ustadh Hamid Hafni Daud. – muka surat 10).

Setelah doa ini selesai dibaca oleh Rasulullah (S.A.W) maka pada ketika itu juga jin Ifrit yang membawa colok api yang marak bernyala itu tersungkur jatuh dan colok api yang di tangannya itu pun lantas padam.

Kesimpulannya dengan kedua-dua riwayat di atas yang saya petik dari buku-buku “Sejarah Islam” dan “Peristiwa Isrā’ dan Mi’rāj” menunjukkan bahawa Rasulullah (S.A.W) pernah menggunakan ayat-ayat suci daripada al-Qur’ān sewaktu baginda keluar dari rumahnya mematuhi perintah Tuhan untuk meninggalkan kota Makkah berhijrah ke Madinah dan pernah pula baginda menggunakan doa *al-ma’thūr* yang diajarkan oleh malaikat Jibril ‘alayhi al-Salām ketika baginda bertemu dengan jin Ifrit dalam perjalanannya berIsrā’ dari Makkah ke Bayt al-Maqdis, sebagai dijadikan azimat penderis dirinya daripada angkara murka yang bakal ditimpakan oleh musuh-musuh Allah

Jawapan kepada Al-Şamadī

ke atasnya. Terjadinya kedua-dua peristiwa tersebut ialah

pada masa baginda masih hidup di alam dunia ini,

dan azimat pendinding yang baginda gunakan adalah

merupakan satu doa yang dibaca, bukan merupakan

satu tangkal yang digantung pada tubuh badan. Dengan ini

saya berpendapat setiap azimat pendinding dari yang

dipetik dari kandungan ayat-ayat al-Qur'ān dan al-Hadīth,

juga daripada doa-doa yang *ma' thūr* serta dibacakan oleh

orang-orang yang masih hidup di alam dunia ini adalah

jā'iz (harus) diamalkan oleh orang-orang Islam.

Tetapi kalau secara digantungkan di tubuh badan,

terutama dimasukkan pula ke dalam kain kafan orang-orang

yang telah mati, saya tetap berpendapat perbuatan ini

adalah haram, bid'ah lagi menyesatkan dengan bersandar kepada

nas-nas daripada dua hadith sahih yang telah saya

kemukakan itu.

Kerana ada beberapa perkara lagi yang saya rasa

sangat mustahak dibentangkan mengenai dengan soal

“Azimat Kafan” ini, maka saya terpaksa meneruskan

tulisan saya di dalam ruangan majalah Qalam bilangan

(227), keluaran bukan depan. *In shā-Allāh* – pengarang.

Madah al- Şāfi'ī

* Apabila telah sah hadith, maka itulah mazhabku dan lemparkanlah perkataanku ke arah dinding!.

* Apabila sah khabar (hadith) daripada Nabi yang menyalahi mazhabku, maka turutlah khabar itu dan

ketahuilah itulah mazhabku!.

* Telah berkata Imam Ahmad bin Hanbal. Imam Şāfi'ī telah mengatakan kepada kami: “Apabila telah sah

hadith (Rasulullah) di sisi kamu, maka terangkanlah kepadaku, supaya aku boleh berpegang kepadanya.

Upacara yang Paling Gemilang dan Meriah bagi Siswazah-Siswazah Universiti Malaya Sete

Pada hari Sabtu 21 haribulan Jun 1969 yang lalu di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya telah diadakan suatu upacaraUnive

siswazah-siswazah dari berbagai-bagai fakulti yang telah berjaya dalam peper

Setelah menyampaikan ijazah-ijazah tersebut Pro-Canselor Universiti Malaya Hakim Tan Sri Sufian memberi ucapan kepada para siswazah yang berjaya mencapai cita-cita yang telah mereka perjuangkan dengan giat dan bersungguh-sungguh selama beberapa tahun itu.

Di dalam ucapannya Hakim Tan Sri Sufian menyatakan: “Bahawa semangat bersefahaman, tolak-ansur dan kesanggupan menerima pandangan orang lain, adalah merupakan suatu hadiah yang paling berharga yang diberikan oleh pihak universiti kepada para siswazah sekalian.”

Katanya lagi: “Hadiah yang bernilai ini haruslah dihargai oleh para siswazah supaya mereka dapat menjadi manusia yang dapat membezakan antara ideologi-ideologi yang patut ditentang dan yang mana pula yang harus diterima.



elah Universiti Malaya Setelah Menerima Ijazah Kelulusan Mereka dalam Berbagai Fakulti

rsiti Malaya telah diadakan suatu upacara gemilang kerana menyampaikan ijazah-ijazah kelulusan *degree* B. A. dan M. A. kepada

ksaan terakhir yang telah berjaya dalam peperiksaan terakhir bagi tahun 1969.



Setelah ijazah berada di tangan masing-masing enam orang daripada siswazah-siswazah Melayu yang telah berjaya itu, bergambar di hadapan Dewan Tunku Canselor bersama-sama dengan kaum keluarga mereka yang datang khas ke Universiti Malaya untuk mengucapkan tahniah “Selamat Berjaya” kepada mereka masing-masing.

Sebelum daripada ucapan-ucapan tahniah itu diterima daripada kaum keluarga, mereka lebih dahulu telah menerima ucapan tahniah daripada Ungku Aziz – Naib Canselor Universiti Malaya di dalam ucapan pembukaan upacara tersebut. Kata Ungku Aziz.

“Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada siswazah-siswazah dan mahu menambahkan senyuman yang diberikan oleh keluarga dan rakan-rakan sejawat atas kejayaan gemilang yang telah tuan-tuan capai itu.”

Perimbangan antara Kebendaan dan Kerohanian dalam Islam

Kebangkitan dan kejatuhan Islam dari dahulu hingga sekarang adalah tergantung dalam adanya kestabilan perimbangan kebendaan dan hidup kerohanian. Dengan tidak menyelidikinya betul-betul kita akan dapati bahawa Islam terlibat dalam hanya salah satu dari dua jurusan itu, jurusan kebendaan atau kerohanian semata-mata.

(Oleh: Amal Nazif)

Keagungan Empayar Islam di Zaman Silam:

Daulah Islam yang telah diasaskan oleh Nabi Muhammad (S.A.W) di Madinah pada tahun pertama Hijrah, telah berkembang maju terus-menerus dengan mencipta beberapa tingkat kehidupan dan peradaban yang tinggi. Kerajaan Islam dewasa itu meluas dari Semenanjung Tanah Arab melewati seluruh wilayah Sham, menghancurkan empayar Parsi dan Rom yang terkenal sebagai dua gergasi besar zamannya. Bukan setakat itu, malah Islam ke arah Timur telah menjejakkan kakinya di negeri Sinad India lantas Kepulauan Melayu ini, sedang ke Barat pula menjejak tanah Andalusia. Iaitu suatu kejayaan yang mengagumkan dalam sejarah kebangkitan umat dunia.

Daulah Bani Umayyah terdiri adalah hasil perjuangan pertama yang diasaskan oleh Rasulullah (S.A.W) dan para sahabat. Demikian juga Daulah 'Abbāsiyah yang menciptakan peradaban Islam yang tinggi itu, semuanya adalah hasil dari kebangunan yang diasaskan oleh Nabi di Madinah itu.

Timbul kehairanan orang bagaimana Islam dalam tempoh yang singkat dapat tegak sebagai sebuah kuasa besar yang berdaulat, timbul dari gurun-gurun padang pasir tandus dari umat jahiliyyah yang tidak mengenal permuafakatan, yang masing-masingnya mengakui kegagan¹

suku-sukunya sahaja. Tetapi akhirnya bangsa inilah juga yang telah mengorbankan segenap tenaga dan jiwa raga mereka untuk mewujudkan agama Islam di muka bumi ini.

Islam Memupuk Rohaniah dan Jasmaniah:

Semua ini dapat dijawab melalui falsafah Islam itu sendiri. Falsafah perjuangan yang berdasarkan al-Qur'ān dan al-hadīth di mana segala pengajarannya berbeza dengan lain agama. Agama-agama selain Islam seperti Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lainnya telah mengajar umatnya untuk memupuk semangat kerohanian semata-mata, hidup dengan kekhayalan yang indah-indah, lalu menolak semua sekali tuntutan-tuntutan yang bersifat keduniaan. Dan ini akan menolakkan orang itu sendiri jatuh ke curang perhambaan, kemiskinan hidup dan kepapaan. Agama-agama yang berkonsepkan hidup kerohanian semata-mata, tidak akan dapat diterima oleh akal fikiran yang matang dan waras.

Hidup kerohanian adalah bererti tidak memperhitungkan tuntutan-tuntutan jasmaniah. Pada hal sebagai seorang manusia ia tidak lepas dari kehendak-kehendak semula jadinya. Mahukan tempat perlindungan, makanan dan pakaian dan lebih jauh dari itu mahukan kemerdekaan, kebebasan dan kemajuan. Agama-agama yang

¹ Ejaan sebetulnya kegagahan

Perimbangan antara Kebendaan..

selain dari Islam telah memperjuangkan semata-mata kerohanian dan mengkesampingkan fakta-fakta yang bersifat material.

Rohaniah di dalam Agama-agama Buddha,

Hindu dan Kristian:

Buddha dalam sejarah perjuangannya tidak pernah memberi perangsang kepada umatnya untuk menentukan hidup di dunia, sama seperti Hindu yang menyuruh pengikut-pengikutnya, percaya kepada penentuan-penentuan Tuhan-tuhan mereka; tentang nasib manusia dengan tidak payah menyusahkan diri bekerja mencari penghidupan yang baik.

Kristian juga di dalam perjuangannya menitikberatkan aspek-aspek kerohanian sahaja oleh penganut-penganutnya yang radikal terpaksa mengadakan beberapa perombakan dasar yang mengakibatkan perang saudara berlarut-larutan. Kitab suci mereka mengajarkan sabar, berlaku baik kepada semua orang, sekalipun orang itu mengancam keselamatan. Terdapat pengajaran dalam kitab mereka: "Kalau datang seorang menampar pipi kananmu, berikan pipi kirimu kepadanya, dan kalau seorang mencuri serbanmu maka berikan jubahmu kepadanya." Sehingga demikian pengajaran kerohanian itu diajarkan kepada mereka.

Islam Menggalakkan Penganut-Penganutnya

Bekerja dan Berusaha:

Tetapi Islam berbeza dari itu semua, di samping melatih jiwa supaya tidak mencintai kebendaan, Islam menyuruh pula supaya umat-umatnya jangan meninggalkan kebendaan. Kebendaan itu dalam agama Muhammad (S.A.W) laksana seorang anak kesayangan yang amat

nakal sedang membesar. Si ayah tidak patut memanjakan anak itu sehingga ayah terlalu sayang kepada anak tadi, maka segala peri lakunya yang nakal itu disetujui sahaja; tanpa dibantah satu pun kemahuannya. Sebaliknya si ayah hendaklah melarang mana yang akan menjadi bahaya, mengajar dan menasihati dengan baik agar anak itu besarnya kelak akan menjadi manusia yang berguna. Tanpa mengasuhnya dengan baik akan menyusahkan orang tua itu pula di belakang hari. Demikianlah sifat harta itu dalam Islam.

Tegasnya pengajaran Muhammad (S.A.W) menyuruh umatnya bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi kehidupan di muka bumi ini. Pengajarannya tidak menyuruh orang beribadah semata-mata, tetapi harus menentukan nasib hidupnya di dunia. Firman Allah di dalam al-Qur'an:

"Wa lā tansa naṣībaka min al-dunyā"

Ertinya: "Dan janganlah kamu melupakan untung nasibmu di dunia." (Sūrah al-Qaṣaṣ ayat: 77).

Untuk menentukan nasib di medan penghidupan yang berpencaroba ini maka Allah mengusulkan lagi di dalam firman-Nya:

"Fa idhā quḍiyati al-ṣalāt fantashirū fī al-arḍ wabtaghū min faḍli Allāh, wadhkurū Allāha kathīran la'allakum tufliḥūn."

Ertinya: "Maka apabila telah selesai sembahyang maka bertebaranlah kamu dipermukaan bumi dan carilah rezeki yang Allah jadika dan ingatlah akan Allah seberapa banyak, moga-moga kamu beroleh kemenangan." (Sūrah al-Jumu'ah ayat: 10).

Ada beberapa lagi ayat-ayat yang menyuruh manusia menentukan kedudukannya di dunia ini. Dengan dua ayat tadi jelaslah untuk kita fahami bahawa agama Islam itu bukan berunsur kerohanian semata-mata. Malah

Perimbangan antara Kebendaan..

menggalakkan pula pemeluk-pemeluknya agar berusaha untuk kehidupan, kebahagiaan dan kesenangan duniawi sesuai dengan firman Allah:

“Qul man ḥarrama zīnata Allāh al-laṭī akhraja li ‘ibādihī wa al-ṭayyibāti mina al-rizq, qul hiya li al-ladhīna āmanū fī al-ḥayāt al-dunyā khālīṣatan yawm al-qiyāmah. Kadhālika nufaṣṣilu al-āyātī liqawmin ya‘lamūn.”

Yang kira-kira bermaksud: “Katakanlah! Siapakah yang telah mengharamkan perhiasan-perhiasan yang dijadikan Allah yang semua itu dikeluarkannya untuk hamba-hamba-Nya? Dan (siapa pulakah yang mengharamkan) rezeki baik-baik? (Yang enak-enak rasanya). Katakanlah bahawa semua itu untuk orang-orang yang beriman di dunia dan untuk mereka sahaja di hari kiamat. Demikianlah kami jelaskan keterangan-keterangan itu, buat orang-orang yang mengetahuinya.” (Sūrah al-A‘rāf ayat: 32)

Berdasarkan ayat-ayat di atas umat Islam tidak dilarang memakai pakaian yang cantik-cantik, menggunakan kelengkapan-kelengkapan moden, asal sahaja perkara-perkara tersebut tidak dinyatakan haramnya menurut hukum-hukum di dalam syariat Islam.

Materialisma Yang Tidak Seimbang Dilarang:

Demikianlah prinsip-prinsip duniawi bagi umat Islam. Setelah itu barulah Allah peringatkan mereka melalui pengajaran-pengajaran yang bersifat rohaniah sebagai perimbangan bagi jiwa materialisma yang telah menjadi tabiat semula jadi manusia. Kerana perimbangan ini amat penting untuk membentuk sifat-sifat peri kemanusiaan.

Materialisma memberi kesan yang buruk dalam kehidupan manusia, di mana manusia akan melupai norma-norma akhlak. Manusia akan bersifat tamak, haloba

penindas dan kejam kalau jiwa mereka telah seratus *percent* dikuasai faham kebendaan. Mereka merasa tidak pernah berkecukupan sekalipun mereka sebenarnya mewah dan kaya raya. Apa yang ada pada mereka tidak cukup, sedang apa yang ada pada orang lain menjadi idaman dan rebutan pula, demikianlah tabiat faham kebendaan itu. Kalau sudah begitu, nyata orang hanya mementingkan dirinya semata-mata, tidak memperdulikan nasib dan peruntungan orang lain, walau keluarganya sekalipun. Kehidupan yang tempang begini ditentang oleh Islam. Islam tidak mengizinkan perlonggokan harta tetapi mengizinkan malah menggalakkan mencari harta-harta. Tentang melonggokan harta ini Allah berfirman di dalam al-Qur‘ān:

“Wa al-ladhīna yaknizūna al-dhahaba wa al-fidḡata wa lā yunfiqūnahā fī sabīl Allāh fa bashshirhum bi‘adhābin alīm.”

Ertinya: “Dan orang-orang yang menghimpunkan harta-harta emas dan perak, sedang mereka tidak menafkahnanya untuk perjuangan menegakkan perintah-perintah Allah, maka beritahulah kepada mereka tentang azab yang pedih.” (Sūrah al-Tawbah ayat: 34).

Dan firman-Nya lagi,

“Waylun likulli humazatin lumazah al-ladhī jama‘a mā lān wa ‘addadah yaḥsabū anna mā lahū akhladah”.

Yang kira-kira bererti: “Neraka *Wayl* balasan bagi orang-orang mengumpat dan mencaci-caci dan orang-orang yang menghimpunkan harta-harta lalu mengira-ngirannya yang ia fikir bahawa harta-hartanya itu kekal”. (Sūrah al-Humazah ayat 1-3).

Dalam Islam tidak ada pelonggokan harta, tetapi tidak ada larangan untuk mencarinya seberapa banyak sekalipun. Kerana harta-harta itu menurut Islam

Perimbangan antara Kebendaan..

ialah untuk perjuangan menegakkan agama Allah dan juga untuk menolong orang-orang yang menderita.

Sangat banyak perintah-perintah Allah untuk mengingatkan manusia supaya jangan terpedaya oleh pengaruh kebendaan. Tetapi menghindarkan diri dari pengaruh kebendaan itu tidak bererti menuntut umat Islam supaya jangan mencari kebendaan dan kekayaan di dunia ini. Pengaruh kebendaan itu bererti segala tujuan dan matlamat perjuangan seseorang hanya kebendaan semata-mata sedang mencari kebendaan pula bererti; mencarinya untuk khidmat dan perjuangan. Perjuangan tidak akan dapat dilakukan dengan hanya bergantung kepada tulang empat kerat sahaja, dakwah tidak akan terlaksana dengan tidak berhajatkan kepada alat-alat kemudahan untuk tujuan-tujuan tersebut.

Untuk perhatian dan menungan:

Dari dasar-dasar inilah Islam ditegakkan oleh junjungan besar Muhammad (S.A.W). Dan keruntuhannya juga berlaku kerana meninggalkan salah satu dari kedua kepentingan ini. Oleh itu untuk pemuda-pemuda Islam angkatan baru seluruhnya patut meninjau ke dalam diri sendiri, di manakah sebenarnya kita berada.

Yang harus kita menungkan sekarang ialah, empayar Islam yang dulunya gagah itu hanya sanggup hidup untuk enam kurun setengah sahaja kemudiannya. Lalu sesudah itu menghadapi zaman jatuhnya berikutan dengan kedatangan Hulagu Khan meranapkan bangunannya yang tinggi tadi. Semua hal-hal ini diceritakan kepada kita oleh sejarah untuk angkatan-angkatan muda Islam sekarang, sebagai bahan perhatian dan permenungan. Sekianlah *wa bi Allāh al-tawfīq*.

Keterangan Gambar Kulit

Masjid Al-Imam al-Shāfi‘ī di kota Kaherah Mesir. Bangunan ini telah diperbaharui oleh Sultan al-Kāmil al-Ayyūbī pada tahun 1309 H. bersamaan 1892 M dengan memasukkan di sebelah bahagian belakangnya makam (kubur) Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Idrīs al-Shafi‘ī – pengasas Mazhab Al-Shāfi‘ī yang paling banyak pengikut-pengikutnya hingga ke hari ini.

Kubahnya yang besar dan indah itu diperbuat daripada kayu berlian tipis yang disarung dengan aluminium yang tebal. Di kemuncak kubah itu didirikan tiang pendek, yang dipasangkan di hujungnya sebuah lencana berbentuk bulan sabit yang diperbuat daripada tembaga.

Suara dari Tanah Suci:

Khusbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāṭ

Imam Besar Masjidil Haram

Al-hamduli 'Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāhibu alfaḍlu wa al-an'ām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahu lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidinā Muḥammadā 'abduhu wa rasūluhu saiyidi al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallam 'ala 'abdika warasūlika Muḥammad, wa 'ala alihi waṣaḥbihi ... amma ba'du fayā 'ibād Allāh ittaqū Allāh!

Terjemahan: Wahyu Qalam

Wahai sekalian hamba Allah, takutlah kamu akan Allah!

Ajaran-ajaran yang telah diutarakan Tuhan kepada hamba-hambanya untuk memimpin mereka itu menuju kepada kebahagiaan hidup dunia dan akhirat, ialah memerintahkan mereka supaya bersifat “taqwa” kepada Allah di dalam setiap lapangan hidup yang mereka tempuhi di alam dunia ini.

Selain dalam lapangan ibadah perkataan “taqwa” ini mengandungi erti kata yang luas, tegasnya sifat “taqwa” ini bukan hanya terbatas di lapangan “ibadah” sahaja, tetapi di dalam pergaulan sehari-hari di antara manusia sesama manusia juga sifat “taqwa” ini mestilah juga diamalkan. Sifat “taqwa” yang paling penting sekali mesti diamalkan oleh seorang Islam dalam pergaulannya, ialah membiasakan diri “bercakap benar”, dengan tertanamnya sifat “taqwa” ini di dalam jiwa seseorang muslim, akan lebih mengeratkan perhubungannya dengan Tuhan, ini selain daripada ia dapat memperteguhkan silaturrahim dengan manusia yang sepergaulan dengannya di dalam sesuatu masyarakat.

Sifat “taqwa” ini juga akan menimbulkan perasaan “ikhlas” ketika melakukan sesuatu ibadah

terhadap Allah dan selalu jujur sewaktu melakukan sesuatu pekerjaan dalam urusan hidup sehari-hari, menjauhkan diri daripada mengerjakan sebarang perbuatan-perbuatan mungkar dan maksiat serta selalu beringat-ingat dan awas waspada dalam setiap langkah untuk mencari keredaan Tuhan.

Di dalam kitab suci al-Qur’ān Allah ada menegaskan, bahawa sebaik-baik bekal yang dibawa pulang oleh seseorang hamba ke alam akhirat untuk menemui Tuhannya itu, ialah “taqwa”, sebagaimana firman-Nya dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat (197):

“Wa tazawwadū fa inna khayra al-zādi al-taqwā, wattaqūni yā ‘ulī al-bāb”.

Ertinya: “Dan bawalah perbekalan, maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah “taqwa” dan takutlah kamu kepadaku wahai orang-orang yang berakal!”

Apabila sifat “taqwa” ini benar-benar telah tertanam di jiwa seorang muslim, maka ia tidak akan gentar menghadapi sebarang kezaliman yang dilakukan orang

ke atasnya. (Lantaran segenap jiwanya ada hubungan yang rapat dengan zat Tuhan yang menjadikannya – P).

Wahai Ikhwan Al-Muslimin!

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, bahawa sifat “taqwa” yang paling penting sekali mesti diamalkan oleh seseorang Islam dalam pergaulan sehari-hari, ialah membiasakan dirinya “bercakap benar”, bercakap benar dalam segala urusan keduniaan yang dilaksanakannya pada setiap hari, sama ada urusan-urusan yang dijelankannya itu secara bersembunyi, atau pun secara berterang-terangan. Kerana seseorang yang sentiasa “bercakap benar” itu, lebih dipercayai oleh keluarga dan masyarakat yang berada di sekelilingnya.

Para ulama salaf sewaktu mentafsirkan – dengan lebih luas – erti “bercakap benar” ini, ialah “menjauhkan diri dari segala kejahatan”, tegasnya kalau hanya lidah sahaja yang “bercakap benar”, tetapi hati dan perbuatannya berlainan dengan apa yang dikatakannya itu, maka ia tidak boleh dianggap dari golongan orang yang “bercakap benar”, lantaran lidahnya telah membohongi hati dan perbuatannya, malahan orang yang bersifat demikian termasuk ke dalam golongan “orang-orang *munāfiqīn*” atau bermuka dua. Orang-orang *munāfiqīn* ini pada hari akhirat kelak mereka akan dilemparkan ke dalam api neraka di lapisan yang paling bawah sekali, sebagaimana sabda Rasulullah (S.A.W) yang maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang *munāfiqīn* itu akan ditempatkan di lapisan api neraka yang paling bawah sekali.”

Bercakap benar juga adalah termasuk dalam sifat-sifat orang-orang yang beriman, seseorang itu tidak dianggap beriman selagi ia tidak bercakap benar, perkataan benar yang diucapkannya itu hendaklah cocok dengan niat yang terlintas di dalam hatinya dan cocok pula dengan perbuatan yang dilakukannya. Kalau tidak maka ia juga bukan dari golongan orang-orang yang benar-benar beriman kepada Allah dan hari kiamat sebagaimana sabda Rasul (S.A.W) yang berbunyi:

“Man kāna yu’min bi Allāh wa al-yawm al-ākhir, falyaqul khayran aw liyaṣmut”.

Ertinya: Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka hendaklah ia berkata benar atau ia diam”.

Sabdanya lagi:

“Al-‘Āfiyat ‘asharat ajzā’, tis ‘atu minhā fi al-ṣamt”.

Ertinya: “Kesihatan (kesempurnaan iman seseorang) itu dalam sepuluh bahagian, sembilan daripadanya dalam keadaan diam”.

Telah bertanya seorang sahabat bernama ‘Utbah¹ bin ‘Āmir (R.A) akan Rasulullah (S.A.W); dengan katanya:

“Apakah keselamatan itu? Maka sabda Rasul Allah (S.A.W): ‘Peliharalah lidahmu, bekerjalah untuk kebahagiaan rumahmu (keluargamu) dan menangislah (menyesallah) atas kesalahanmu!’”.

Dalam satu wasiatnya kepada sahabat Mu‘ādh bin Jabal (R.A), Rasulullah (S.A.W) bersabda; maksudnya:

“Tegah olehmu ini – yakni lidah; maka dijawab oleh Mu‘ādh (R.A) dengan katanya:

¹ Perkataan sebenar ialah Uqbah bukan Utbah.

Khutbah Jumaat . . .

‘Salahkah kami menggunakannya untuk kami berkata-kata dengannya? Maka jawab Rasulullah (S.A.W): ‘Kehilangan oleh ibumu akan engkau wahai Mu‘ādh, tidaklah manusia itu akan menuamkan muka mereka di atas api atau atas hidung mereka melainkan apa yang dikeluarkan oleh lidah-lidah mereka (dari perkataan-perkataan yang keji dan dilarang!’”

Hadith di atas menerangkan bahawa sebahagian besar yang dimasukkan ke dalam neraka, ialah orang-orang yang melakukan jenayah “lidah” atau orang yang panjang lidahnya (dalam bahasa kita ialah orang-orang yang suka membawa mulut - P.) dengan berkata dusta, mengata, mengumpat orang, menjadi saksi yang palsu, menaburkan fitnah ke sana sini dan lain-lain perkataan keji yang dianggap perbuatan maksiat oleh syarak.

Sidang Jumaat yang Mulia!

Suatu masyarakat tidak akan teguh pendiriannya dan ia pasti akan menghadapi zaman keruntuhan selagi manusia yang menjadi anggotanya tidak mahu menjaga kebicaraan lidah yang akan menceburkan mereka ke jurang dosa dan permusuhan, sebagaimana yang telah dibayangkan oleh Rasulullah (S.A.W) di dalam beberapa hadithnya yang tersebut di atas.

Setiap satu kalimah kata yang keluar dari lidah yang lancang dan mulut yang bacar itu, boleh menyinggung perasaan orang yang mendengarnya dan jika kata-kata yang diucapkan itu mengandungi bibit-bibit “fitnah” ia boleh menimbulkan persengketaan yang membawa kepada tercetusnya suatu pergaduhan. Setiap anggota masyarakat yang

ingin hidup aman damai dalam suasana harmoni di sepanjang zaman maka hendaklah ia sentiasa menjaga lidahnya daripada mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta atau masuk campur dalam sesuatu perkara yang tidak kena mengena dengan dirinya, sekalipun dengan tujuan berseloroh untuk mengisi waktu-waktu yang lapang, seperti bergurau jenaka untuk mentertawakan orang-orang yang mendengarnya dengan tujuan untuk menarik perhatian orang ramai terhadap dirinya, kerana yang demikian itu adalah dilarang oleh Rasulullah (S.A.W) sebagaimana sabdanya:

“Inna al-‘abda layatakallamu bi al-kalimati li yadhaku al-nās fayaskhaṭu Allāhu ‘alayh” - wa fi riwāyat – “Yahwī bihā sab‘īna kharīfan fi al-Nār”.

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang hamba yang berkata-kata dengan mengeluarkan kalimah untuk mentertawakan orang ramai, maka Allah akan menghina ke atasnya” – di dalam suatu riwayat yang lain – “ia akan dibenamkan selama tujuh puluh kali musim buah (tujuh puluh tahun) di dalam api neraka.”

Di antara kata-kata yang terlarang diucapkan oleh seorang muslim, ialah kata-kata yang mengandungi tujuan memuji-muji diri, bermegah-megah dengan pangkat kebesaran, berbangga dengan darah keturunan dan mendedahkan keaiban seseorang yang patut diperlindungi, atau menyampuk perkataan orang yang sedang berkata-kata (dengan tujuan untuk mengganggunya), yang mana semua ini akan menyinggung perasaan seseorang, serta menimbulkan emosi benci membenci yang membawa kepada timbulnya perasaan dendam mendendam yang tidak berkesudahan. Perbuatan-perbuatan yang seumpama ini adalah

Khutbah Jumaat . . .

merupakan suatu dosa “jenayah lidah” yang tidak boleh dipandang ringan oleh seluruh masyarakat Islam.

Sidang Jumaat yang Berbahagia!

Pada suatu hari seorang sahabat Nabi yang terkenal ‘Abdullah bin Mas‘ūd (R.A), pergi ke atas bukit al-Şafā menyeru orang ramai dengan katanya:

“Wahai lidahku! Katakanlah olehmu perkataan yang baik (benar), nescaya engkau akan selamat sebelum daripada engkau menyesal (dengan sebab kebicaraanmu itu)”. Lalu seorang sahabat bertanya kepadanya: ‘Adakah ini perkataanmu sendiri atau pun engkau telah mendengar dari sesiapa?’ Maka jawab ‘Abdullah bin Mas‘ūd: ‘Tidak! Tetapi aku telah mendengar Rasulullah (S.A.W) bersabda: ‘Bahawa sesungguhnya kebanyakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anak Adam ialah dari sebab kelancangan lidahnya’.”

Oleh yang demikian wahai Ikhwan al-Muslimin! Takutilah kamu kepada Allah! Di samping kamu bertaqwa kepadanya, maka biasakanlah lidah kamu “bercakap benar” di dalam segala lapangan hidup kamu untuk mentaati perintah dan menyahuti seruan Tuhan kamu yang berfirman:

A ‘ūdhu bi Allāhi mina al-Shayṭāni al-Rajīm

“Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū ittaqū Allāh wa qūlū qawlan shadīdā, yuṣliḥ lakum a ‘mālakum wa yaghfir lakum dhunūbakum, wa man yuṭi ‘i Allāh wa Rasūlah, faqad fāza fawzan ‘aẓīmā”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Takutilah kamu kepada Allah! dan ucapkanlah (selamanya) perkataan yang benar! Nescaya Tuhan akan memperbaiki amalan-amalan (pekerjaan-pekerjaan) kamu, dan barang siapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, sesungguhnya ia akan memperoleh kemenangan yang besar.”

Nafa ‘anī Allāh wa iyyākum bi hudā kitābih, aqūlu qawlī hādihā , wa astaghfiru Allāha al- ‘Aẓīmi lī wa lakum wa lisā’iri al-Muslimīn min kulli dhanb.

Dipetik dan diterjemah daripada:

Akhbar al-Alam al-Islami

Madah al-Mālikī

* Sesungguhnya aku ini hanya seseorang manusia biasa yang boleh jadi salah dan boleh jadi benar.

Lantaran itu perhatikanlah pendapatku (di dalam sesuatu hukum yang difatwakan). Tiap-tiap fatwaku yang tidak menyalahi kitab Allah dan sunnah (*Al-Rasūl*) ambillah! Dan tiap-tiap yang menyalahi kitab Allah dan sunnah (*Al-Rasūl*) tinggalkanlah!

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pertanyaan daripada:

A. Abdullah Thani,
Alamat Nai Chan Coffee Shop,
1 Ruamchit Road, Sadau,
South Thailand.

“Kenduri Arwah” lazim dibuat oleh orang-orang kita Melayu iaitu: Kenduri tiga hari tujuh hari, dua puluh lima hari, empat puluh hari dan seterusnya. Adakah ini berasal dari agama Islam atau sebaliknya? Diharap tuan memberi keterangan dengan beralasan al-Qur’an dan al-ḥadīth!

Jawab

“Kenduri arwah” itu memang sudah menjadi suatu kelaziman atau pun menjadi suatu adat yang biasa dilakukan oleh orang-orang Islam di rantau sebelah sini – iaitu negara-negara sebelah tenggara Asia ini – mengadakan “kenduri arwah” ini adalah menunjukkan suatu tanda “ingatan kasih mesra” yang tiada berkeputusan oleh keluarga si mati terhadap rohnyanya yang telah berpindah ke alam akhirat untuk menunaikan panggilan Ilahi.

Biasanya keluarga si mati akan merasa terkelindan dan tidak merasa berpuas hati jika “kenduri arwah” itu tidak mereka adakan selepas daripada matinya salah seorang daripada keluarga mereka yang paling hampir.

Meskipun di zaman Rasulullah dan para sahabat-sahabatnya tidak pernah dilakukan “majlis-majlis kenduri arwah” seperti yang biasa dilakukan oleh orang-orang kita, namun begitu ia tidaklah boleh dianggap suatu perbuatan yang salah kalau dipandang dari segi perasaan “kasih mesra” yang tak kunjung putus dari keluarga si mati terhadap mayat yang telah terlantar sebatang kara sejauh 6 kaki ke dasar bumi itu. Dan juga jika dipandang dari segi pergaulan di antara jiran tetangga yang datang menunjukkan rasa simpati mereka terhadap keluarga yang sedang dalam keadaan berdukacita itu, memang ada faedahnya untuk merapatkan hubungan jiwa di antara keluarga si mati dengan jiran tetangga yang datang ziarah itu.

Terutamanya dalam “majlis-majlis kenduri arwah” itu dipenuhi dengan bacaan-bacaan yang mengandungi *dhikr Allāh* yang diambil daripada al-Qur’an al-Karim, kemudian diiringi pula dengan doa-doa yang ditujukan khas kepada roh si mati dan seumum kaum muslimin dan muslimat, perbuatan inilah yang dinamakan oleh setengah para ulama “*Bid’ah Hasanah*”.

Cuma yang agak kita sangsikan sekarang ialah dari segi mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan untuk menyediakan jamuan untuk dihidangkan kepada para hadirin yang datang mengunjungi “majlis kenduri arwah” itu. Kalau sekiranya orang yang mengadakannya itu termasuk golongan orang yang berada tidaklah menjadikan suatu keberatan kepadanya. Tetapi jika ia seorang yang sempit kehidupannya, ertinya dengan sebab hendak mengadakan “majlis kenduri arwah” itu ia terpaksa bergolok bergadai, dan selepas majlis kenduri itu selesai ia terpaksa menghadapi penderitaan hidup.

1001 Masalah

Perbuatan yang seumpama inilah yang dilarang oleh Islam, dengan sebab melakukan sesuatu perbuatan yang tidak disuruh itu – sekalipun baik tujuannya – sampai menyusahkan diri sendiri, adalah tidak sesuai dan tidak logik menurut pandangan Islam.

Kita perbandingkan sahajalah dua di antara rukun-rukun Islam yang diwajibkan oleh Islam ke atas penganut-penganutnya iaitu “zakat dan haji”. Mengeluarkan zakat itu adalah wajib tetapi dengan syarat orang-orang Islam yang diwajibkan mengeluarkan zakat itu ialah orang-orang yang berada atau boleh juga dikatakan orang yang berkemampuan, erti berkemampuan di sini ialah: Pendapatan yang diperolehi oleh seseorang itu melebihi segala keperluan yang dibelanjakannya setiap hari dengan secara sederhana, sehingga pada setiap bulan ia dapat menyimpan wang baki dari pendapatannya itu. Wang simpanan inilah apabila cukup nisab dan sampai haulnya diwajibkan ia mengeluarkan zakat.

Tetapi manakala kehidupan seseorang itu dalam keadaan susah sehingga ia hampir-hampir tak dapat menutupi sara hidupnya sekeluarga, maka Islam tidaklah mewajibkan ke atasnya mengeluarkan zakat itu, malahan ia diberi hak boleh menerima zakat kalau keadaan hidupnya sudah termasuk di dalam golongan yang dinamakan “fakir” atau pun “miskin”.

Begitu pula halnya dengan ibadah haji. Amalan haji adalah menjadi rukun Islam yang kelima, haji adalah merupakan suatu amalan yang diwajibkan oleh Allah ke atas setiap umat Islam dalam seumur hidupnya hanya sekali sahaja. Meskipun haji ini termasuk di dalam satu amalan yang wajib dilakukan oleh orang-orang

Islam, namun begitu ia mempunyai syarat-syarat yang tertentu. Di antara syarat-syaratnya yang terpenting sekali ialah kemampuan. Setiap orang Islam yang bercita-cita hendak menunaikan ibadah haji atau biasa disebut oleh orang-orang kita naik haji ke Makkah al-Mukarramah, maka ia haruslah lebih dahulu menilik keadaan dirinya. Sanggupkah ia mengadakan segala perbelanjaan semasa beberapa bulan di Tanah Suci itu, dan cukupkah wang untuk membayar tambang pergi dan pulang, yang lebih penting lagi sanggupkah ia meninggalkan perbelanjaan untuk sara hidup anak isteri dan kaum keluarga yang di bawah tanggungannya selama beberapa bulan itu? Sehingga apabila ia kembali semula ke tanah air kelak kehidupannya tidak akan menempuhi penderitaan dan kesusahan. Soal-soal inilah yang harus lebih dahulu diperhitungkan oleh setiap orang muslim sebelum ia memutuskan azam dan cita-citanya hendak menunaikan fardu haji itu.

Kerana Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* tidak mahu memberatkan seseorang hamba-Nya di dalam menunaikan suatu perintah-Nya lebih daripada kadar kemampuan yang ada pada dirinya. Ini bersesuaian dengan firman-Nya di dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat (286):

“Lā yukallifu Allāh nafsān illā wus‘ahā”

Ertinya: “Allah tidak memberatkan seseorang itu melainkan sekadar yang ter pikul olehnya (kemampuannya).

Di dalam ayat itu juga Allah mengajar kita orang-orang muslimin sepotong doa yang memohon supaya jangan dipikulkan sesuatu perintah yang tak mampu dikerjakan oleh seseorang hamba sebagaimana firman-Nya:

“Rabbanā wa lā tuḥammilnā mā lā ṭāqata lanā bih”.

1001 Masalah

“Wahai Tuhan kami! Janganlah engkau

pikulkan ke atas kami (perintah-perintah) yang tak mampu kami mengerjakannya.”

Kepada A. Abdullah Thani saya meminta maaf kerana jawapan saya ini telah menyeleweng daripada masalah yang tuan tanyakan itu, tetapi walau bagaimana pun tujuan saya membawakan dua contoh perintah Tuhan yang wajib iaitu “zakat dan haji” menjadi tidak wajib dilakukan kalau ia tidak memenuhi syarat-syarat dari segi “kemampuan” sebagaimana yang telah diterangkan tadi ialah untuk membayangkan walaupun sesuatu perintah itu pada mulanya wajib, kemudian ia bertukar menjadi tidak wajib kalau syarat-syarat kewajibannya itu tidak dapat dipenuhi.

Apa lagi sesuatu perkara yang memang tidak ada nas daripada al-Qur’ān dan al-ḥadīth yang mewajib atau mensunatkan perkara itu dilakukan seperti “kenduri arwah” yang menjadi masalah yang tuan musykilkan itu kalau dilakukan juga sampai menyusah dan memberat-beratkan diri, bergolok bergadai dan berhutang berbarih, maka perbuatan yang demikian itu adalah menjadi

haram dan sangat-sangat ditegah oleh Islam. Tambahan lagi kalau “kenduri arwah” itu ditetapkan pula masa-masa yang tertentu seperti meniaga hari, menujuh hari dua puluh lima hari, empat puluh hari dan seterusnya memang tidak ada sama sekali tersebut di dalam nas-nas al-Qur’ān dan al-ḥadīth. Tiap-tiap amalan yang dilakukan tanpa bersandarkan kepada nas-nas al-Qur’ān dan al-ḥadīth tidak akan diterima dan ia tetap merupakan suatu amalan yang sia-sia, sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w) di dalam sepotong hadith sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

“Man ‘amila amalan laysa ‘alayhi amrunā fahūwarad”.

Ertinya: “Barang siapa mengerjakan sesuatu amalan yang bukan daripada perintah kami, maka ia (amalan itu) ditolak”.

Oleh kerana kami memandang masalah “kenduri arwah” yang dikemukakan oleh A. Abdullah Thani ini suatu perkara yang sangat penting diperbincang dan dibahaskan dengan lebih luas, maka jawapan kami dalam masalah ini akan kami sambung di dalam majalah Qalam bulan depan *in shā-Allāh*.

- Abu al-Mokhtar

Madah Ibn Abbas

Kecelakaanlah yang akan diterima oleh pengikut-pengikut sebab kesalahan seorang alim. Ada orang bertanya: “Bagaimana itu?” Ia menjawab: “Orang alim itu berkata sesuatu (boleh jadi) dengan fikirannya, kemudian ia mendengar hadith daripada Nabi (S.A.W), lalu ia tinggalkan pendapatnya yang dahulu, tetapi pengikut-pengikutnya tetap menghukum sebagaimana fatwanya (yang salah) itu.

Renunglah!

Watak Muslim yang Sejati

(Oleh Mas Iskandar)

Kondisi-kondisi Muslim Sejati:

Hendak menduduki taraf muslim sejati yang sebenarnya, bukanlah semudah yang dijangka. Selain daripada keimanan yang teguh dan gigih, norma-norma perhubungan antara individu dengan individu pun mestilah selari motifnya kalau anda benar-benar hendak menerima jolokan itu. Juga kehalusan perasaan dan kemurnian budi pun tidak kurang pentingnya.

Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) dalam beberapa hadithnya telah membuat garis kasar, bagaimana yang dikatakan watak muslim yang benar-benar praktis dan bertanggungjawab guna menuju ke arah keharmonian hidup bersama dalam menghadapi kehidupan di samping mengambil dengan baik kesusilaan dan peri kemanusiaan.

Dalam rencana pendek ini penulis akan turunkan beberapa di antaranya yang terkenal dan representatif.

Syarat-syarat Beriman:

Seorang muslim pertama-tamanya mestilah berbaik-baik dan dan cinta mencintai sesamanya sabda Nabi:

“Lā yu'min ahadukum hattā yuḥibba li akhīhi mā yuḥibbu li nafsih”.

Ertinya: “Tidak beriman seseorang dari kamu sehingga ia cinta kepada saudaranya sebagaimana dia cinta kepada dirinya sendiri.”

Kemudian mereka mestilah mencintai kedua ibu bapa, isteri dan dengan rasa tanggungjawab yang

penuh. Sabda Nabi maksudnya: “Tidak beriman seorang daripada kamu sehingga ia mencintai aku lebih daripada kedua ibu bapanya, anak-anaknya dan seluruh manusia.”

Di samping itu muslim yang sejati mestilah tidak pecah amanah dan sentiasa menunaikan segala janji-janjinya sebagaimana kemahuan Rasul yang berbunyi: “Tidak beriman bagi orang yang tidak memegang amanah dan tidak beragama bagi orang yang tiada memelihara janji.”

Dalam sebuah hadithnya yang terkenal: “Hak orang Islam atas orang Islam enam perkara:

1. Apabila engkau bertemu dengan dia ucapkanlah salam kepadanya.
2. Apabila dia memanggil hendaklah perkenankan.
3. Apabila dia meminta nasihat hendaklah beri nasihat.
4. Apabila dia bersin dengan memuji Allah hendaklah memohonkan buatnya rahmat.
5. Apabila dia sakit hendaklah ziarahi.
6. Dan apabila dia mati hendaklah hantarkan mayatnya ke kubur.”

Berhubung dengan disiplin berjiran dan menyambut tetamu pula Nabi membuat dasarnya seperti berikut:

“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian maka janganlah dia menyakiti jirannya. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian hendaklah memuliakan tetamunya. Dan sesiapa yang beriman kepada hari

Renunglah

kemudian maka berkatalah dengan perkataan-perkataan yang baik atau diam sahaja.”

Umat Islam Mesti Praktis:

Sekarang umat Islam di tanah air kita hebat memperkatakan tentang kejatuhan moral di kalangan mudri kita. Mereka dengan senang meremehkan akan tuntutan-tuntutan Islam yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Di samping itu kita dengar pula suara-suara lantang agar diadakan segera revolusi mental di kalangan bangsa kita. Penuntut-penuntut kita digalakkan supaya mengambil berat mata pelajaran sains dan teknologi. Juga di dalam beberapa kongres telah heboh dibincangkan tentang kemunduran dan ekonomi bumiputera.

Dengan gejala-gejala di atas cuba kita merenungkan sejenak dengan mendalam sebuah hadith junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) agar umat Islam praktis dan maju dalam hidupnya di segenap zaman. Beliau menekankan:

“Sesungguhnya setengah daripada akhlak orang yang mukmin ialah:

1. Kuat dalam menjalankan agamanya.
2. Teguh di dalam lemah-lembutnya.
3. Beriman di dalam keyakinannya.
4. Loba akan ilmu pengetahuan.
5. Belas kasihan di dalam satu keterlanjuran.
6. Pemaaf di dalam ilmu.
7. Berhemat di dalam kaya.
8. Berhias di dalam kesempitan.
9. Berpantang loba tamak.
10. Berusaha pada yang halal.
11. Berbuat kebajikan pada ketetapan.
12. Tegas di dalam pertunjuk.
13. Mengendalikan diri di dalam melawan syahwat.
14. Belas kasihan terhadap orang-orang yang susah.

Kesimpulannya, Nabi telah menegaskan bahawa:

“Sesiapa yang sukakan perbuatan-perbuatan yang baik dan bencikan perbuatan-perbuatan yang tidak baik, maka adalah ia seorang mukmin yang sejati.”

Madah Pemimpin

Pelajaran agama dapat menyatu padukan orang-orang yang percaya adanya Tuhan untuk menentang mereka yang menidakkan Tuhan. Dalam negara kita sekarang musuh kita yang besar ialah golongan orang-orang menidakkan Tuhan itu.

- (Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub).

Peranan Pelajar-pelajar Islam dalam Negara Merdeka

Kecergasan mental dan ketabahan jiwa yang cekal, semangat kesedaran terhadap bangsa, nusa dan agama harus dipupuk oleh pelajar-pelajar Islam di dalam sebuah negara yang merdeka. Cintakan pelajaran, ingin membangun jiwa militan atau tahan lasak menjadi sumber jihad pelajar-pelajar Islam di semesta alam.

Oleh: Shahrudin Dahari

Hubungan antara Masyarakat dan Agama:

Kita para pelajar Islam seharusnya memainkan peranan yang penting dengan memperkembangkan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sesuai dengan cita-cita murni bagi membangun bangsa yang hidup bebas dari sebarang cengkaman penjajahan. Segala tindak tanduk pelajar-pelajar Islam harus mencerminkan masyarakat di masa ini: Pengertian Islam harus difahami dengan *detail* dan kemas dalam segala aspek.

Masyarakat dan agama adalah berhubung rapat antara kedua-duanya, ibarat isi dengan kuku. Pelajar-pelajar Islam mesti siap sedia menghadapi cabaran zaman moden dari aspek-aspek yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam.

Kita perlu berinisiatif dan berkreatif pada mensaksikan “dakwah Islamiyyah”. Dalam hal ini al-Qur’ān ada menyebutkan:

“Waltakun minkum ummatun yad’ūna ilā al-khayr wa ya’murūna bi al-ma’rūf wa yanhawna ‘ani al-munkar wa ulā’ika humu al-muflihūn”.

Ertinya: “Hendaklah ada daripada kamu umat yang menyeru kepada kebaikan (*al-ma’rūf*), dan menegah dari kemungkaran, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan”.

Islam mestilah difahami:

Kepincangan masyarakat Islam harus diatasi oleh pelajar-pelajar Islam dengan cara yang wajar. Gejala-gejala keruntuhan moral pasti dihapuskan dengan serta-merta. Keruntuhan moral adalah disebabkan dari pengaruh Barat dan kurang didikan agama dari pihak ibu bapa semasa mereka masih kecil lagi. Untuk mengatasinya; anak-anak kita perlu dihantar ke gedung-gedung pendidikan Islam. Kerana kesentosaan seseorang itu untuk hidup ia di alam fana ini mestilah dengan memahami Islam dengan sebenar-benarnya dan sedalam-dalamnya.

Kedudukan pelajar Islam seharusnya dipelihara dengan sebaik-baiknya. Perasaan hina-menghina, dengki-mendengki dan iri hati antara satu sama lain pasti dikikis dari bertapak di jiwa pelajar-pelajar Islam. Bersatulah kita wahai pelajar-pelajar Islam di seluruh tanah air demi faedah masyarakat kita orang-orang muslimin sendiri. Kerana dengan bersatulah segala anasir yang mahu menyelewengkan Islam dapat dipatahkan.

Biasiswa Islam

Patut Diperbanyakkan:

Semangat ingin melihat terlaksananya hukum-hukum Islam di negara kita harus disemaikan di jiwa orang-orang

Peranan pelajar-pelajar Islam...

muslimin oleh semua pelajar-pelajar Islam di seluruh tanah air.

Seelok-eloknya pemerintah kita menyediakan peruntukan

lebih banyak bagi memberikan biasiswa-biasiswa kepada pelajar-pelajar

Islam di seluruh tanah air dan juga di luar negeri.

Dengan langkah ini kita mengharapkan para kaum intelek

kita yang benar-benar berjiwa keislaman kian hari kian

bertambah banyak bilangannya. Tenaga dan fikiran-fikiran mereka

sangat-sangat diperlukan oleh negara kita yang agama rasminya

ialah Islam.

Sifat membenci Islam di kalangan intelek Melayu

yang berpendidikan barat harus dikikis habis-habisan

dari jiwa mereka. Sifat membelakangkan ajaran-ajaran al-Qur'ān

janganlah hendaknya timbul di dalam masyarakat Islam

di Malaysia ini.

Dengan mengeneipkan ajaran-ajaran Islamlah kebanyakan

dari negara-negara di dunia ini jatuh ke dalam kancah peperangan

tanpa berkesudahan. Undang-undang yang dicipta oleh manusia

sering menjahanamkan manusia pula, sedangkan undang-undang

Tuhan ialah untuk menyelamatkan manusia di alam sejagat

ini dari kebinasaan. Kita harus ingat pelajar-pelajar

Islam akan memimpin ke arah pelaksanaannya”.

Penderitaan-penderitaan yang dialami oleh Rakyat Palestin



Dari hidup bernaung di bawah pohon buah-buahan yang rendang subur menghijau dari menghuni rumah-rumah gedung yang indah tersergam, mereka diusir keluar dari kampung halaman bumi tumpah darah yang mereka cintai, menjadi penghuni padang pasir yang kering tandus, tinggal berteduh di dalam khemah-khemah kain tarpal yang kecil sempit. Begitulah nasib malang yang menimpa saudara kita orang-orang muslimin di Palestin akibat dari angkara penindasan yang dilakukan oleh bangsa Yahudi Zionis yang telah menguasai seluruh dataran tanah air mereka yang kaya dan makmur itu.

Di mana tempat perlindungan..

di taman-taman asuhan tempat ia belajar itu. Maka jawapan-jawapan yang akan diberikan oleh para pendidik yang terdiri dari pengembang-pengembang agama Kristian itu, sedikit sebanyak sudah tentu akan menyeleweng dari “akidah Islamiyyah” yang sebenarnya”.

Katakanlah umpamanya pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakannyatadi
begini:

1. Siapa yang menjadikan saya?
2. Siapa yang melindungi saya?
3. Siapa yang mengurniakan saya pendengaran dan penglihatan?
4. Siapa menghidupkan burung-burung, tumbuh-tumbuhan dan mengeluarkan buah-buahan untuk rezeki kita?
5. Siapa yang menjaga keselamatan hidup saya dari sejak kecil hingga besar?
6. Apa yang wajib saya buat untuk mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan yang menjadikan saya?
7. Bagaimana cara Tuhan itu dilahirkan?
8. Mengapa kita mati?
9. Dari mana kita datang?
10. Ke mana kita akan kembali?

Jawapan-jawapan yang menyeleweng:

Sebagai jawapan permulaan dalam tingkatan yang pertama, sudah tentu ke semua jawapan-jawapan yang diberikan atas pertanyaan-pertanyaan tersebut, dasar utamanya bersandar kepada ketuhanan (lantaran pokok kepercayaan agama Kristian dengan pokok kepercayaan agama Islam ialah ketuhanan – P.) tetapi manakala jawapan-jawapan yang diberikan itu sudah masuk ke peringkat yang kedua – dalam

soal memperkatakan “ketuhanan Yang Maha Esa” – maka penyelewengan-penyelewengan yang bertentangan dengan “akidah Islamiyyah” yang mengaku bahawa Allah itu Esa, ia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan akan mereka nafikan sama sekali, dengan tegas mereka menyatakan bahawa Isa al-Masīh itu anak Tuhan dan Siti Maryam itu (ibu Nabi Isa) itu adalah isterinya.

Begitulah akidah ketuhanan dalam kepercayaan agama Kristian itu diperkatakan dengan Isa al-Masīh di dalam segala lapangan hidup dan budi pekerti seorang manusia. Maka hiduplah kanak-kanak muslim itu di bawah atap gedung pendidikan yang situasinya berlainan sama sekali dengan pendidikan yang diberikan oleh kedua ibu bapanya di rumah. Dengan fahaman-fahaman akidah ala Kristian yang salah inilah setiap hari dipantakan ke dalam fikiran mereka, sehingga kepercayaan yang salah ini menjadi sebatian dengan jiwa mereka; tidak ada jalan bagi membentuk kembali jiwa seorang kanak-kanak yang telah disesatkan itu ke jalan benar melainkan dengan beberapa cara yang sangat sulit dan mencemaskan, itu pun sekiranya kanak-kanak yang telah rosak akidahnya itu segera diserahkan di bawah pendidikan seorang guru agama yang benar-benar berpengalaman dan pakar di lapangan memperbaiki jiwa seorang Islam yang telah rosak jiwanya dari segi iktikad dan kepercayaan terhadap Tuhan yang Maha Esa; kalau tidak, dengan begitu mudah dan secara langsung kanak-kanak itu – manakala umurnya telah meningkat dewasa kelak – ia akan melakukan sesuatu perbuatan maksiat dan mungkar yang dilarang oleh Islam dengan menganggap bahawa perbuatan-perbuatan yang demikian itu adalah merupakan suatu kemajuan dan kemegahan dalam pergaulan suatu masyarakat di zaman moden ini.

Di mana tempat perlindungan..

Perbuatan-Perbuatan Mungkar Dianggap Baik:

- * Perbuatan-perbuatan mungkar seperti minum arak, sudah menjadi suatu perkara biasa oleh golongan orang-orang yang mengaku menjadi penganut-penganut agama Islam, sekalipun mereka masih merasa bangga memakai nama-nama Islam yang mengandungi kalimah-kalimah Allah dan sifat-sifatnya. Di samping itu mereka mendakwa pula bahawa perbuatan-perbuatan keji yang mereka lakukan itu tidak menyinggung kehormatan Islam dengan alasan bahawa Islam adalah suatu agama yang mewajibkan setiap pemeluknya bergaul dengan seluruh manusia di dalam suatu masyarakat hidup antarabangsa.
- * Menghadiri kelab-kelab malam dengan menonton tarian-tarian bogel, adalah merupakan suatu seni yang sangat sesuai dengan situasi hidup manusia di zaman kemajuan ini, kata mereka.
- * Bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram dengan membuka dan mendedahkan aurat yang menggiurkan nafsu, adalah suatu cara moden untuk membiasakan diri melawan pengaruh keganasan syahwat yang memuncak liar. Pergaulan-pergaulan secara ini – kononnya menurut anggapan mereka – tidaklah menjadi suatu kesalahan yang sampai melanggar batasan pergaulan dalam Islam, selagi seseorang itu sanggup mengawal hawa nafsu, bersopan santun, dan pandai menjaga tata tertib pergaulan itu sehingga ia tidak melakukan sebarang perbuatan sumbang yang boleh menyentuh maruah dan kehormatan peribadi seorang wanita di sepanjang hidupnya.

Walaupun 1001 macam mereka menggunakan nama-nama Ahmad, Muhammad, Abdullah, Abdul Rahman dan sebagainya dari nama-nama mulia yang dipetik daripada nama-nama para Anbiya' dan sifat-sifat Allah yang Maha Tinggi, namun begitu selagi jiwanya kotor, selagi ia melakukan perbuatan-perbuatan keji dan mungkar yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya, maka selama itulah Islam menganggapnya seorang fasik dan derhaka, lantaran Tuhan tidak memandang kepada nama dan bentuk rupa seseorang, tidak memandang kepada asal keturunan dan pangkat kebesarannya dari segi pandangan yang lahir, tetapi Allah melihat kepada hati, kepada amalan-amalan yang baik dan kepada sifat-sifat taqwanya, sebagaimana firman Allah di dalam Sūrah al-Hujurāt ayat (13):

“Inna akramakum ‘inda Allāhi atqākum”.

“Ertinya: “Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu”.

Dalam soal ini Rasulullah (S.A.W) juga pernah bersabda di dalam sepotong hadithnya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada bentuk dan rupa-rupa kamu, tetapi ia memandang kepada hati-hati kamu”.

Cara-Cara Baru Yang Licin:

Dengan terus terang dan tegas saya mengaku, bahawa saya sekali-kali tidak akan percaya kepada orang-orang yang mengatakan, bahawa pengembang-pengembang agama Kristian itu tidak ada bercita-cita untuk mengkristiankan orang-orang Islam, untuk mengubah kitab suci al-Qur’ān itu menjadi Injil dan untuk menukar masjid itu menjadi gereja. Sekali lagi saya tegaskan, saya sekali-kali tidak mempercayai akan kebenaran kata-kata ini, tetapi saya tetap berpendapat, bahawa para pengembang agama Kristian itu sentiasa menjalankan daya usahanya

Di mana tempat perlindungan..

untuk menjadikan pemuda-pemuda Islam angkatan baru sebagai boneka-boneka yang boleh mereka jadikan permainan, yang boleh diperkotak-katikkan ke sana ke mari, untuk menyampaikan maksud dan cita-cita jahat mereka yang mereka perjuangkan di dalam negara-negara Islam dengan berlindung di sebalik nama “badan-badan kebajikan” dan “taman-taman asuhan” yang mereka asaskan.

Di antara cara-cara baru yang paling licin dipraktikkan oleh mereka untuk mendudukkan seseorang muslim supaya meninggalkan agama asalnya berhijrah kepada suatu agama yang lain – yang saya maksudkan agama Kristian – mereka telah menyusun tenaga kerjasama yang rapat dengan kaum empirialis yang dengan terang-terangan berusaha untuk menghancurkan Islam dari muka bumi ini terutama di dalam negara-negara yang mereka jajahi. Usaha-usaha yang sebesar ini mustahil akan dapat mereka laksanakan tanpa mempengaruhi lebih dahulu jiwa orang-orang Islam sendiri yang mudah mereka pengaruhi, sehingga mereka dijadikan boneka sanggup menjual kesucian agama asal mereka dan turut sama mengorbankan tenaga dan jiwa mereka untuk menentang Islam.

Cara yang mereka pandang mudah sekali untuk mempengaruhi jiwa golongan orang-orang Islam yang lemah imannya ialah dengan mengumpan mereka dengan kemewahan material. Supaya jangan begitu ketara kepada umum orang-orang Islam, maka mereka yang telah dapat dimasukkan ke dalam perangkap Kristian itu diberi beberapa pekerjaan yang layak dan sesuai dengan kebolehan mereka masing-masing dengan mendapat upah (gaji) yang lumayan yang boleh menjamin kehidupan mereka di beberapa masa

yang akan datang. Mana-mana yang bukan dari golongan intelek, mereka dipelawa menjadi tentera-tentera upahan yang juga diberikan gaji yang agak memuaskan. Kemewahan-kemewahan ini - menurut anggapan mereka – sudah tentu sekali tak akan dapat mereka capai selama mana mereka masih menjadi penganut-penganut Islam. Setelah hati dan segenap jiwa raga mereka itu dipengaruhi oleh dakyah-dakyah palsu yang memesongkan mereka daripada akidah dan ajaran-ajaran Islam yang hakiki, maka mereka pun dengan senang dijadikan alat propagandis sebagai tali barut, untuk memikat umat Islam yang sebangsa dan setanah air dengan mereka untuk dijadikan penganut agama Kristian.

Tiga golongan kaum muslimin yang mudah dipengaruhi:

Walau bagaimana pesat dan cergasnya *missionary-missionary* Kristian itu menjalankan tugasnya yang begitu licin dan teratur, kita orang-orang Islam yang telah mendapat hidayah dan pertunjuk dari Allah yang menurunkan agama suci ini, tidaklah harus merasa sangat bimbang dengan langkah-langkah mereka mengkristiankan segelintir dari umat Islam yang berjiwa lemah dan beriman tipis itu, kerana setelah kita siasat dengan teliti, maka kita dapati orang-orang muslimin yang telah masuk ke dalam perangkap propagandis-propagandis Kristian itu hanya terdiri dari tiga golongan manusia sahaja:

1. Golongan orang-orang Islam yang seratus peratus atau 80 peratus terdiri dari mereka yang mendapat pendidikan Barat dari sejak kecil dan sama sekali tidak mendapat pendidikan agama, yang menyebabkan iman mereka sangat tipis, mudah ditembusi oleh pengaruh-pengaruh dakyah-dakyah palsu Kristian yang terang-terangan sesat dan menyesatkan.

Di mana tempat perlindungan..

2. Golongan orang-orang Islam yang mempunyai pandangan-pandangan sempit dan bersifat mementingkan diri sendiri serta mata duitan kerana hendak mengejar kesenangan dan kemewahan hidup di dunia tetapi mengenyepikan kebahagiaan hidup yang kekal abadi di alam akhirat.
3. Golongan orang-orang Islam yang bersifat *mudhabdhib* (Tidak mempunyai pendirian hidup atau boleh juga dikatakan manusia yang tidak mempunyai peribadi), mereka gentar menghadapi cabaran-cabaran hidup yang merupakan satu ujian Tuhan, untuk mengukur setakat mana tingginya darjat kesabaran dan ketabahan jiwa yang tertanam di sanubarinya?

Hanya dari tiga golongan manusia ini sahajalah iman mereka mudah diruntuhkan, hati mereka senang dipesongkan dan mata mereka lekas dikabui dengan sinaran wang mas¹ dan perak, sehingga mereka sanggup menjual agamanya dan membeli kesesatan yang bakal menjerumuskan mereka ke jurang kebinasaan yang kekal abadi di alam akhirat kelak.

Inilah usaha kedua yang mereka laksanakan setelah gagal mereka menjalankan usaha-usaha yang pertama untuk mengkristiankan orang-orang Islam dan menjauhkan mereka dari agama asal mereka dengan secara terang-terangan. Usaha kedua ini nampaknya lebih berkesan dan lebih berjaya dari usaha pertama. Tetapi walau bagaimanapun kejayaan-kejayaan yang mereka dapati itu tidaklah sepesat yang mereka harap-harapkan. Orang-orang Islam yang dapat mereka pengaruhi jiwa dan peribadinya adalah terdiri dari golongan orang-orang yang emosi dan jiwanya

memang sudah agak jauh dari Islam, atau boleh juga dinamakan hanya “Islam baka” sahaja.

Tiga golongan orang-orang Islam yang hati dan segenap jiwa raganya dengan mudah dipengaruhi oleh propagandis-propagandis palsu Kristian itu – sebagaimana yang telah kita terangkan di atas tadi – boleh dianggap tidak ada gunanya lagi kepada Islam, mereka sudah menjadi kufur, sekalipun kekufuran itu tidak mereka sedari, dalam hidup mereka lebih mementingkan perut, lebih mementingkan diri sendiri dengan mengikuti kemahuan-kemahuan hawa nafsu, mereka berjiwa pengecut tak sanggup melawan tekanan-tekanan dari suatu kuasa asing yang mereka anggap hebat dan gagah tetapi palsu dan lencongan dengan lebih dahulu tidak mahu menyelidiki sesuatu niat jahat yang tersembunyi di belakangnya untuk menyingkap tabir kepalsuan yang memperlindungan cita-cita buruk yang bakal menyeret mereka ke jurang neraka jahanam yang menunggu-nunggu kedatangan mereka ke alam akhirat nanti.

Dua kemajuan yang mesti

dikejar oleh orang-orang Islam:

Tiga golongan orang-orang Islam yang tersebut di atas, kalau mereka masih kekal dalam Islam, hanya merupakan orang-orang *munāfiqīn* yang akan bekerja dengan diam-diam menaburkan dakyah-dakyah agama Kristian yang mengandungi racun dan kuman-kuman paling merbahaya, bakal merosakkan jiwa generasi-generasi angkatan baru yang lebih mementingkan ilmu pengetahuan untuk bekal hidup dari ilmu-ilmu pengetahuan untuk bekal mati. Sedang Islam mewajibkan kepada setiap pemeluknya mesti memperseimbangkan antara ilmu keduniaan dengan ilmu keakhiratan demi untuk mengajar dua kemajuan yang pasti dicapai oleh orang-orang Islam bagi menghadapi dua kebahagiaan hidup yang

¹ ejaan sebetulnya emas

Di mana tempat perlindungan..

tak dapat tidak mesti ditempuhi oleh setiap makhluk

yang berjenis “manusia”.

Jadi tiga golongan manusia muslim yang tersebut

di atas, terang-terangan akan membahayakan masa depan generasi-generasi

Islam yang sezaman dengannya, malahan mungkin pula

pengaruh-pengaruh Kristian yang mereka siarkan ke dalam suatu

masyarakat Islam itu pada zaman hidupnya akan

menjangkit dan menular ke dalam jiwa generasi-generasi Islam

angkatan baru yang bakal muncul sesudah ia berada

di liang lahad. Tegasnya langkah yang mereka ambil sekarang

menyingkirkan diri dari Islam dengan secara terang-terangan

adalah lebih baik daripada mereka masih mahu tetap

tinggal di dalam masyarakat Islam sebagai orang-orang

munafik, meracuni jiwa umat Islam dari dalam

selimut. Kita lebih enteng menghadapi seekor harimau

yang berkulit singa daripada menghadapi seekor musang

yang berbulu ayam yang masuk menyeludup ke dalam masyarakat

kita dengan membawa niat yang jahat untuk melakukan

suatu yang tidak kita ingini.

Untuk meneruskan kajian yang bernilai ini,

in shā-Allāh dalam majalah Qalam bilangan (227) di ruangan

yang sama, penulis makalah ini akan membawa beberapa

contoh erti kata “musang berbulu ayam” di mana pengembang-pengembang

agama Kristian di benua Afrika telah memperalatkan orang-orang

Islam yang terdiri dari golongan “*munāfiqīn*” untuk

menarik kaum muslimin yang buta huruf dan buta agama

di sekitar benua hitam itu menjadi penganut agama

Kristian. – Pengarang.

Cetakan Baru!

Sudah terbit!

Sembahyang Rasulullah
(Oleh Al-Ustadh Abu Bakar Al-Ash‘ari)

Sebuah buku pedoman mengerjakan ibadah sembahyang mengikut cara-cara sembahyang yang telah dilakukan oleh

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda kepada hadith baginda yang berbunyi:

Sallū kamā raaytumūnī usallī. Ertinya “Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat aku sembahyang”.

Sebuah \$ 3.00

Belanja pos 20 sen.

Pesanlah kepada:

Qalam

225 Jalan 8247

Petaling Jaya Selangor.

Meninjau Pengaruh-pengaruh Wanita di dunia:

Wanita itu racun dan Wanita juga penawar

Sejarah telah pun membuktikan dengan nyata bahawa nilai pegaruh wanita di dunia ini amat besar sekali.

Di samping manusia lelaki iaitu hamba Allah yang dinamai “Wanita” itu sangat penting peranannya. Apa sahaja yang diciptakan Tuhan yang Maha Berkuasa itu adalah berlainan sekali dengan apa yang diciptakan oleh manusia.

Barang yang dijadikan Tuhan itu penuh dengan faedah dan hikmahnya yang bakal dinikmati oleh makhluknya sekalian, iaitu bagi mereka yang mengetahuinya.

(Oleh: Alimin)



Penulis rencana ini.

Alam Wanita

sendiri. Di belakang ayah dan ibunya, atau pun di belakang

suaminya ia “bermain nafsu” dengan 1001 dorongan.

Bukan sedikit kaum lelaki, harta benda dan jiwa yang

telah pernah melayang dan musnah jadi mangsa kaum

wanita. Beberapa banyak raja-raja, orang-orang besar dan

pemimpin-pemimpin yang telah tersungkur, tunduk dan bertelut

di kaki kaum wanita.

Menurut sejarah, dalam masa perang dunia pertama,

di tahun 1914-18 yang lalu, seorang wanita

cantik Jerman yang menjadi sebagai “spy” –

penyuluh rahsia – bernama; “matahari” telah berjaya

masuk ke dalam istana panglima tertinggi musuhnya dan

berada di dalam pelukannya. Dengan pengaruh kecantikan

“miss matahari” itulah banyak rahsia-rahsia negara yang

berjaya didapatinya, dengan kerana itulah pula beribu-ribu

nyawa yang telah terkorban dan berpuluh-puluh juta paun dan

harta benda yang telah binasa. Ini hanyalah suatu daripada

banyaknya tragedi-tragedi yang telah berlaku, sedang berlaku dan

akan berlaku menjadi mangsa dari pengaruh-pengaruh wanita

yang mengandungi “racun” itu.

Jadi “Racun”:

Manusia yang dinamai “wanita” itu semakin cantik, genit dan menarik rupa parasnya, tetapi ia itu membahayakan kiranya hal-hal itu disalah gunakan. Seseorang wanita itu akan menjelma menjadi “racun” yang benar-benar berbahaya sekali, bukan sahaja kepada manusia lelaki yang menjadi pasangan hidupnya di dunia, malahan juga kepada diri wanita itu sendiri. Hal-hal yang demikian bukan hanya dinyatakan oleh sejarah sahaja, tetapi juga memang benar-benar berlaku di hadapan mata sampai ke masa ini. Ada wanita yang berlaku jahat dan curang terhadap suaminya, anak-anaknya, rumah tangganya, terhadap masyarakat bangsanya, tanah airnya, agamanya, bahkan kepada dirinya

Wanitalah juga “Penawar”:

Pada sebaliknya pula, wanitalah juga yang jadi “penawar” paling mujarab sekali. Sejarah juga telah membuktikan hal ini dengan nyatanya. Seorang suami yang begitu berat dalam tanggungjawabnya dalam menghadapi soal hidup sehari-hari, serta runsing fikirannya maka ia akan merasa lapang dan senang apabila melihat yang isterinya berada di sampingnya dengan memperlihatkan kemanisan wajahnya yang penuh dengan rasa sayang. Sebuah rumah tangga akan bergemilang apakala suri rumah tangganya itu “kandil” yang sentiasa bersinar di dalamnya.

Nabi kita Muhammad (S.A.W) mendapat suatu tenaga yang amat besar sekali dalam perjuangannya memperkembangkan agama Islam yang diturunkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* apabila Saiyidah Khadījah dan Saiyidah ‘Ā’ishah sentiasa berada di samping beliau.

Nabi Adam (*‘alayhi al-Salām*) “bapa” kepada seluruh manusia yang sedang bersedih dan berdukacita kerana kesepian setelah ia dijadikan Tuhan sebatang kara kembali merasai riang gembira manakala “ibu” Hawā’ diciptakan pula oleh Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang itu untuk dijadikan teman hidupnya di alam dunia yang dahulunya sunyi ini.

Manusia lelaki tidaklah akan merasa hidup di dalam suasana gembira tanpa wanita berada di sampingnya, dan bagi wanita pula, manusia lelaki itu jadi pelindung dan tempat tahanan kasih dalam sepanjang hidupnya. Kata pujangga: “Dunia ini akan lengang perkembangannya andai kata tanpa wanita”.

Seorang pujangga besar Islam pernah berkata dalam menyentuh soal wanita. Kata beliau:

“Al-Nisā’ ‘imād al-bilād, idhā ṣalūhat ṣalūhati al-bilād, wa idhā fasadat fasadati al-bilād”.

Ertinya: “Kaum wanita itu tiang negara, jika baik pekerti kaum wanitanya maka baiklah negara itu, dan jika buruk pekerti kaum wanitanya, maka rosaklah

negara itu”.

Al-Marhum Mustafa Kemal Atatürk (bapa Turki muda) pernah mengatakan: “Tangan lembut dan montok yang menghayun buaian itulah yang memerintah dunia ini.”

Benjamin Franklin berkata: “Wanita itu guru utama bagi seseorang manusia”. Abraham Lincoln yang menyebabkan ia memelihara dan tidak mahu lagi mencukur janggutnya, kerana mentaati suruhan seorang wanita, di mana wanita itu mengatakan padanya iaitu; “Tuan akan lebih sajak¹ jadi seorang pemimpin kiranya tuan mempunyai janggut yang rapi”.

Begitulah pula dengan beberapa banyak orang-orang besar dunia, di antara lain seperti Harun al-Rashid, Salahuddin al-Ayyubi, Iskandar Zulkarnain, William Shakespeare, George Washington, Karl Marx, Mahatma Gandhi, Hitler, Sukarno, Nehru dan banyak lagi penganjur-penganjur dunia yang mereka dibesarkan semuanya di pangkuan wanita.

Bagi para wanita pula, yang jadi pelopor, patriot bangsa dan srikandi tanah air di antaranya ialah; Saiyidah ‘Ā’ishah (*raḍī Allāhu ‘anhā*) di Semenanjung Tanah Arab, Raden Ajeng Kartini di Pulau Jawa, Bundo Kandung di Minangkabau, Teuku Cut Nyak Dhien di Aceh, Siti Wan Kembang di Kelantan dan Tun Fatimah di Melaka.

Oleh yang demikian, dengan bersandarkan analisa-analisa tersebut, sesungguhnya telah nyatalah kepada kita, bahawa wujudnya wanita di dunia ini bukanlah hanya untuk memenuhi “selera-selera asmara” atau penghuni “kamar-kamar harem” belaka, tetapi adalah merupakan “bumi subur” untuk pertumbuhan-pertumbuhan kemajuan yang bertamadun di dunia yang luas terbentang ini.

Bagi saya rasanya tidaklah akan keterlaluan, dalam menyimpulkan nilai pengaruh wanita itu dengan mensifatkan; wanita itu “racun” dan wanitalah juga “penawar”.

¹ ejaan sebetulnya adalah segak

Sajak

Kawan!

Mencari seorang kawan yang setiawan,
sukarnya seperti mencari sebutir intan,
senangnya mencari seorang lawan,
seperti menemui kaca di tengah jalan.

Antara kawan dan lawan,
Dua sifat yang berlawanan,
yang mesti ditemui oleh semua insan,
inilah tanda bahawa dunia tempat ujian.

Kawan yang bertaraf kaca di tengah jalan,
Senang dicari puncanya dinar di tangan,
Kawan yang bertaraf intan berlian,
mengukir seorang kawan selagi hayat dikandung badan.

Kawan yang setia!
Nilainya lebih tinggi dari seribu permata!
Kawan yang durjana!
Lebih merbahaya dari seekor singa di rimba
belantara!

Kawan! Kawan! Kawan!
Kau mustahak dalam dunia pergaulan
tanpa kawan!
Hidup sepi tanpa senda gurauan!

Ikhwan.

Ikhwan itu maksudnya saudara,
Bukan sebapa tetapi seagama!
Berpandu kuat kepada keikhlasan,
Bukan dinar jadi ukuran!

Ikhwan bersatu di dalam Islam,
Pertunjuk kita hadith dan firman!
Boleh bersatu kalau difahamkan!
Tapi syaratnya mesti beriman!

Kalau dahulu ada pergantungan,
Nabi Muhammad (S.A.W) jadi ikutan!
Wafat Nabi gantinya khalifah,
Hilang khalifah umat berpecah!

Kalau Islam tidak berikutan!
Ibarat kapal tidak berkapten
Kapal pun sesat hilang pedoman,
Makmum pun hilang ditelan gelombang!

Ikhwan sekarang sudah pun lemah,
Berpandukan suku – negeri – dan daerah,
Ikhwan al-Muslimin hanya sebutan,
Sudah dianggap ketinggalan zaman!

Ismail Abdul Rahman

Kuala Pilah,
Negeri Sembilan.



Sebahagian daripada mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya yang telah berjaya menyanggah *degree-degree* B. A. di dalam

berbagai-bagai jurusan tahun 1969. Dengan wajah-wajah yang senyum gembira mereka memakai jubah rasmi siswazah

menunggu giliran untuk menerima sijil-sijil kelulusan yang telah mereka capai pada 21 hari bulan Jun 1969

yang lalu.

Di-chetak dan di-terbitkan oleh A. H. EDRUS bagi pihak QALAM.

H 287. Jalan 225. (Bangunan MARA) Petaling Jaya, Selangor TEL: 562481.